

Jilid I
Bil. 13



Hari Rabu
25hb Oktober, 1978

M A L A Y S I A

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

House of Representatives

PARLIMEN KELIMA

Fifth Parliament

PENGGAL PERTAMA

First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 1085]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1979 [Ruangan 1110]

USUL:

Anggaran Pembangunan, 1979 [Ruangan 1110]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELIMA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, **TAN SRI DATO' SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., D.S.I.J., J.M.N., P.I.S.**

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Wilayah Persekutuan, **DATO' HUSSEIN ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).**

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, **DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.P.M.S., S.S.A.P. (Kubang Pasu).**

Yang Berhormat Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, **DATO' LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J., K.M.N. (Segamat).**

„ Menteri Pengangkutan, **TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S. (Pelabuhan Kelang).**

„ Menteri Undang-undang, **DATO' SERI HAJI HAMZAH BIN HAJI ABU SAMAH, S.S.A.P., S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).**

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, **TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).**

„ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, **TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).**

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, **TAN SRI DATO' HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.M.J., S.P.D.K. (Tenggaroh).**

„ Menteri Kebajikan Am, **DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).**

„ Menteri Pertahanan, **DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., P.G.D.K. (Samarahan).**

„ Menteri Luar Negeri, **Y.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bharu).**

„ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, **DATO' MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).**

„ Menteri Pelajaran, **DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J. (Labis).**

„ Menteri Kewangan, **Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., S.P.M.K., P.S.M. (Ulu Kelantan).**

„ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, **DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Jejebu).**

„ Menteri Kesihatan, **TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).**

„ Menteri Pertanian, **DATO' SHARIFF AHMAD, D.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).**

„ Menteri Penerangan, **DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., K.M.N. (Pulai).**

- Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' RICHARD HO UNG HUN, D.P.M.P. (Lumut).
- „ Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- „ Menteri Perusahaan Awam, TUAN ABDUL MANAN BIN OTHMAN, P.P.T. (Kuala Trengganu).
- „ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, DATUK MANSOR BIN OTHMAN (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' DR NEO YEE PAN, D.P.M.J. (Muar).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, PUAN RAFIDAH AZIZ, A.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N., K.M.N. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN HAJI SALLEH JAFARUDDIN (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, P.B. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATO' SERI SYED AHMAD AL-HAJ BIN SYED MAHMUD SHAHABUDDIN, S.P.M.K., S.S.D.K., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- „ Timbalan Menteri Undang-undang, DATO' ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N. (Ulu Nerus).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerlun-Langkawi).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungei Siput).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN MAK HON KAM (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S. (Pekan).

- Yang Berhormat** Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam,
DR NIK HUSSEIN BIN HAJI WAN ABDUL RAHMAN, K.M.N. (Kuala Krai).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN CLARENCE E. MANSUL (Penampang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan, DATO' ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Batu Pahat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI EMBONG BIN YAHYA, D.P.M.J., A.M.N. (Ledang).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD (Johor Bahru).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, TUAN ABDULLAH BIN HAJI AHMAD, K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.M.T., S.M.S., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN IDRIS BIN ABDUL RAUF, A.M.P., A.M.N. (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN ABDUL RAHIM BIN DATUK TAMBY CHIK (Alor Gajah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, TUAN WILLIAM LYE CHEE HIEN (Gaya).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN MOHD. KASSIM *alias* YAHYA BIN AHMAD (Machang).
- „ TUAN ABAH BIN MENGIMBAL *alias* GEORGE ABAH (Bandau).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH (Kinabatangan).
- „ TUAN ABDUL KADIR BIN SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN DAUD (Pasir Mas).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI (DR) HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.M.N., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.M.K., S.P.D.K., P.N.B.S. (Paloh).
- „ TUAN ABDUL SHUKOR BIN HAJI SIRAJ (Tanjung Karang).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI (Ulu Trengganu).
- „ TUAN A. K. ALIUDDIN BIN PENGIRAN HAJI MOHD. TAHIR (Kimanis).
- „ TUAN HAJI AMPONG BIN PUYON (Labuk Sugut).
- „ DATUK HAJI ASHKAR HASBOLLAH, P.G.D.K. (Marudu).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AWANG BIN JABAR (Dungun).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ TUAN CHAN AH KOW *alias* CHAN TECK CHAN (Kota Melaka).

Yang Berhormat TUAN CHAN KOK KIT *alias* CHAN KIT (Sungai Besi).

- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI (Sarikei).
- „ TUAN CHIN HON NGIAN (Renggam).
- „ PUAN CHOW POH KHENG (Ulu Langat).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. DAVID (Damansara).
- „ TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Keningau).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASHIM BIN ENDUT (Ulu Muda).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- „ TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).
- „ DR HEE TIEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HIEW NYUK YING (Tawau).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN YAHAYA (Maran).
- „ TUAN HUSSEIN BIN MAHMOOD (Tanah Merah).
- „ TUAN IBRAHIM BIN MUHAMMAD, P.B., P.M., P.P.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAMALUDDIN BIN SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN KAMALUDDIN BIN MAAMOR (Hilir Perak).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- „ TUAN LEE KAW (Keluang).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Petaling).
- „ TUAN LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, J.B.S. (Kapit).
- „ TUAN MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI (Gerik).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).

- Yang Berhormat TUAN HAJI MOHAMMAD TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS, A.M.P. (Parit).
- „ TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- „ TUAN MOHD. NAPI *alias* NAKHAI BIN HAJI AHMAD (Baling).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ TUAN MUHIYUDDIN BIN HAJI MOHAMED YASSIN, P.I.S. (Pagoh).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalen Chepa).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ DATUK JAMES PETER ONGKILI (Tuaran).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- „ TUAN P. PATTO (Menglembu).
- „ TUAN RACHA UMONG (Bukit Mas).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI (Silam).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI MOHAMMED (Semerah).
- „ TUAN SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
- „ TUAN RAYMOND SZETU MEI THONG (Lambir).
- „ DR TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Raub).
- „ DR TAN TIONG HONG (Kepong).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN TING CHEK MING (Bruas).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN UMAR BIN HAJI ISMAIL, A.M.N., P.P.T. (Padang Rengas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN WONG HOONG KEAT (Tanjong).
- „ DR WONG SOON KAI, P.B.S. (Sibu).
- „ TUAN YANG CHOONG FU (Kinta).
- „ PUAN YONG FATIMAH BINTI MOHD. RAZALI, A.M.N., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN YUSOF BIN MALIM KUNING *alias* ABDUL RAHMAN BIN MOHD. JANI, P.I.S., B.S.I. (Panti).
- „ TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI ALI (Permatang Pauh).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Pemangku Timbalan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

 Rabu, 25hb Oktober, 1978

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Petua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

MELAYU DALAM PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN

1. Tuan Chan Teck Chan minta Perdana Menteri menyatakan hingga tahun 1978 ini berapa buahkah agensi Kerajaan telah ditubuhkan yang bertujuan membentuk sebuah masyarakat perdagangan dan perindustrian di kalangan orang-orang Melayu dan Bumiputra lain, sila beritahu nama-nama agensi ini dan berapakah peruntukan telah diberikan kepada agensi-agensi tersebut, juga nyatakan apakah kemajuan-kemajuan telah dicapai atau kegagalan telah dialami atau kerugian telah dialami oleh agensi-agensi tersebut.

Timbalan Perdana Menteri (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad): Tuan Yang di-Pertua, soalan Ahli Yang Berhormat itu nampaknya boleh mengelirukan. Terlebih dahulu perlulah saya tegaskan bahawa penubuhan agensi-agensi Kerajaan bukanlah semata-mata untuk memberi faedah kepada segolongan kaum sahaja, tetapi untuk memberi faedah kepada keseluruhan. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, matlamat Dasar Ekonomi Baru untuk membasmikan kemiskinan tanpa mengira kaum dan menyusun semula masyarakat. Oleh itu agensi-agensi yang telah ditubuhkan oleh Kerajaan diberi tanggungjawab untuk menyampaikan kedua-dua matlamat tersebut.

Dalam hubungan ini, terdapat Kementerian-kementerian seperti Kementerian Perusahaan Awam, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Kementerian Kerjaya dan Kemudahan-kemudahan Awam dan lain-lain mengendalikan agensi-agensi dan unit-unit yang antara bidang tugasnya ialah untuk mengadakan program-program bagi menggalakkan golongan Bumiputra menceburkan diri di dalam bidang ekonomi dan perdagangan. Oleh itu peruntukan kepada Kementerian dan Agensi-agensi tersebut adalah menyeluruh bukan semata-mata untuk membentuk masyarakat perdagangan di kalangan orang Melayu dan Bumiputra lain. Berkenaan dengan peruntukan Agensi-agensi di bawah Kementerian-kementerian berkenaan seperti MARA, UDA, FIMA, Bank Pembangunan Malaysia, Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri-negeri, PERNAS dan lain-lain agensi, sukacita sekiranya Ahli Yang Berhormat itu merujuk kepada Dokumen Rancangan Malaysia Ketiga. Sementara itu kemajuan-kemajuan terhadap agensi-agensi tersebut dapat diikuti dalam Kajian Semula Pertengahan Rancangan Malaysia Ketiga yang akan dibentang di Dewan ini kelak.

EKONOMI KAUM MURUT

2. Datuk Stephen R. Evans minta Perdana Menteri menyatakan samada Kerajaan sedar keadaan buruk dari segi ekonomi kaum Murut khasnya mereka dalam Daerah Pensiangan dan Dalit; jika ya, apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan untuk meninggikan taraf hidup kaum itu.

Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan adalah sedar akan kemunduran kedudukan ekonomi kaum Murut dan lain-lain kaum Bumiputra yang

tinggal di kawasan pendalaman Sabah. Rancangan Pembangunan Ekonomi Negara tidaklah dirancang berasaskan untuk faedah kepada satu-satu kaum tertentu tetapi adalah bertujuan untuk memperbaiki golongan yang miskin dan mundur tanpa mengira kaum. Dalam rangka mengadakan rancangan untuk menghapuskan kemiskinan, kaum Murut yang termasuk dalam golongan yang miskin adalah turut mendapat faedah ini.

Di antara langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk memperbaiki kedudukan golongan miskin di Sabah ialah:

- (i) penempatan semula petani-petani dalam rancangan tanah baru;
- (ii) pemulihan semula tanah-tanah mereka melalui Koperasi Pembangunan Desa (KPD) bagi menambahkan pendapatan;
- (iii) pelancaran Rancangan Ekonomi Rakyat yang bertujuan menggalakkan penanaman tanaman untuk dijual bagi menambah pendapatan;
- (iv) menyediakan kemudahan latihan kepada belia-belia mengenai cara-cara pertanian moden dan bertani corak perniagaan;
- (v) meluaskan skim kredit luar bandar kepada pekebun-pekebun kecil untuk menambah pengeluaran tanah-tanah mereka.

Langkah-langkah seperti ini di samping mengadakan kemudahan-kemudahan pelajaran dan perubatan yang lebih baik adalah bertujuan untuk memperbaiki taraf hidup dan juga kedudukan ekonomi mereka. Adalah diakui bahawa proses perubahan ini adalah lambat oleh sebab masalah perhubungan, kesukaran mengubah cara hidup dan sikap dan lain-lain faktor kemanusiaan. Walau bagaimanapun segala tenaga dan usaha sedang dilakukan oleh pentadbiran khususnya Kerajaan Negeri untuk mempercepatkan proses pembangunan kawasan-kawasan pendalaman.

Dalam hubungan ini adalah difahamkan bahawa Kerajaan Negeri telahpun menetapkan seorang pegawai kanan untuk menyelenggarakan program tersebut untuk mencapai tujuan yang diharapkan.

KAD PENGENALAN DAN SIJIL KEWARGANEGARAAN

3. Datuk Stephen R. Evans minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau sedar akan "tektik" setengah pegawai Kerajaan dalam Jabatan-jabatan Persekutuan yang berikut di Kota Kinabalu, Sabah, iaitu:

- (a) Jabatan Pendaftaran Negara, Bangunan Persekutuan, Kota Kinabalu, Sabah dalamana kebanyakan pegawai bertindak sesuka hati mereka dan sesuai dengan tujuan mereka sendiri oleh kerana mana-mana permohonan untuk mendapatkan Kad Pengenalan dan Sijil Kewarganegaraan mengambil masa bertahun-tahun untuk diproses dan dengan demikian menyebabkan rakyat kelam-kabut dan keliru dengan tindakan mereka;
- (b) Jabatan Penilaian Tanah Wilayah, Bangunan Persekutuan, Kota Kinabalu, Sabah—yang mana telah sebatikan amalan dan kebiasaan buruk Jabatan ini menyimpan "Geran-geran Tanah" yang diserahkan oleh A.C.L.R. untuk dinilai oleh Pejabat ini. Orang ramai bersungut bahawa bilamana geran tanah diserahkan kepada Pejabat Penilaian Wilayah sampai bertahun-tahun baharulah geran tersebut dikembalikan kepada tuan empunya. Oleh yang demikian, kebanyakan mereka berpendapat bahawa Kerajaan patut berbuat sesuatu untuk mempercepatkan penilaian tanah supaya rakyat tidak akan kehilangan peluang perniagaan dalamana mereka memerlukan geran-geran tanah mereka dengan segera untuk tujuan penggadaian; dan
- (c) Apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan supaya kakitangan Kerajaan dalam kedua-dua Jabatan Persekutuan di Kota Kinabalu ini berhenti bersikap "acuh tak acuh dan melambatkan kerja".

Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, jawapan ialah: (a) Mengenai tindak tanduk setengah-setengah pegawai Kerajaan dalam Jabatan-jabatan Persekutuan di Sabah seperti yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu, pihak Kerajaan akan menyiasat perkara tersebut dan jika benar tindakan yang tegas akan diambil terhadap mereka yang berkenaan.

Namun demikian jika terdapat kelambatan dalam beberapa kes tertentu untuk mendapatkan kad pengenalan, ianya mungkin disebabkan oleh perkara-perkara seperti berikut:

- (1) pertukaran alamat pemohon-pemohon yang tidak diberitahu ke Jabatan ini dan ini telah menyebabkan mereka itu tidak dapat dihubungi untuk disoal atau diserahkan kad-kad yang telah disediakan;
- (2) permohonan yang tergendala disebabkan mereka tidak memiliki surat beranak atau lain-lain dokumen penyokong yang diperlukan;
- (3) pemohon-pemohon tidak mengikuti arahan yang dikehendaki semasa membuat permohonan.

Mengenai kewarganegaraan pula, sukaiah saya menyatakan di sini bahawa tiap-tiap permohonan perlu diteliti dengan sehalus-halusnya untuk menentukan bahawa seseorang pemohon itu benar-benar mempunyai kelayakan yang cukup dan berhak menerima taraf warganegara Malaysia. Oleh itu sungguhpun proses penyemakan dan pertimbangan permohonan kewarganegaraan itu mungkin mengambil masa yang lama, ini tidaklah boleh dianggap sebagai satu tindakan melambat-lambatkan kerja.

(b) Berhubung dengan Pejabat Penilaian Kota Kinabalu, Sabah pula, sukaiah saya memaklumkan bahawa Pejabat tersebut adalah menjalankan kerja-kerjanya dalam keadaan yang serba kekurangan serta kesulitan. Ahli Yang Berhormat terlebih maklum atas kesulitan perhubungan di negeri yang luas seperti Sabah di mana pemeriksaan ke atas harta-harta tanah memerlukan masa yang lebih sedikit. Tambahan pula data-data yang perlu sukar diperolehi.

Dan seperkara lagi yang memburukkan keadaan di situ ialah Pejabat Cawangan di Kota Kinabalu sedang menghadapi masalah kekurangan kakitangan teknikal yang sangat teruk. Dalam keadaan sekarang, seorang Pegawai Penilaian dari Semenanjung Malaysia terpaksa dihantar bagi mentadbir cawangan ini. Setakat ini hanya dua daripada lima jawatan Penolong Pegawai Penilaian yang dapat diisi di sini. Ini adalah disebabkan oleh kekurangan calun-calun tempatan.

Sungguhpun ada berlaku sedikit kelewatan atas sebab-sebab tersebut di atas, saya sukaiah menafikan adanya "sikap acuh tak acuh dan melambat-lambatkan kerja" sebagaimana yang dituduh oleh Ahli Yang Berhormat. Yang sebenarnya pula, tidak ada berlaku kelewatan yang serius walaupun Pejabat ini mengalami kesulitan-kesulitan tersebut di atas.

Sungguhpun begitu saya memberi jaminan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa Kerajaan sentiasa memandang berat atas masalah-masalah seperti ini dan Kerajaan telahpun mengambil tindakan yang sewajarnya bagi mengatasi masalah-masalah yang dihadapi di Kota Kinabalu itu. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum pemilihan serta melatih pegawai-pegawai teknikal memakan masa sedikit. Insya Allah Kerajaan berharap perkara ini akan dapat diselesaikan dalam sedikit masa lagi.

FREEMASON

4. Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat bertanya kepada Perdana Menteri menyatakan secara lengkap:

- (a) apakah jenayah yang dilakukan oleh seorang ahli Freemason, yang memerlukan ia bertaubat dan menjauhkan diri dari kumpulan itu; dan
- (b) samada pihak yang berkenaan baru saja sedar berkenaan dengan jenayah-jenayah itu setelah selesai kajian dibuat oleh Bahagian Ugama di Jabatan Perdana Menteri. Jika kesedaran itu telah lama diketahui mengapa baru sekarang orang ramai dinasihatkan supaya bertaubat dan menjauhkan diri dari pertubuhan itu.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan (a), seseorang Islam yang memasuki pertubuhan Freemason akan melibatkan dirinya dalam perkara-perkara yang boleh merosakkan akidahnya sebagai orang Islam. Oleh yang demikian, ia adalah melakukan amalan yang menyalahi ajaran ugama Islam.

Mengenai soalan (b), Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam pada bulan Ogos tahun ini telah melantik sebuah jawatankuasa untuk mengkaji tentang kegiatan-kegiatan Freemason. Setelah menjalankan kajiannya, Jawatankuasa itu berpendapat

bahawa kegiatan Freemason pada keseluruhannya adalah bertentangan dengan akidah Islam. Selepas ada pengesahan dari Jawatankuasa itu, maka barulah orang-orang Islam dinasihatkan supaya menjauhkan diri dari pertubuhan itu, atau sekiranya telah melibatkan diri supaya menarik diri dan bertaubat.

Tuan Yang di-Pertua, molek juga saya mengambil kesempatan ini memberi keputusan-keputusan Jawatankuasa yang saya sebutkan itu. Berdasarkan kepada kajian yang teliti dan mendalam oleh Jawatankuasa itu mengenai Freemason, maka keputusannya adalah seperti berikut:

- (1) Freemasonry adalah suatu kepercayaan yang berdasarkan ketuhanan.
- (2) Ugama bagi Freemasonry adalah hak peribadi.
- (3) Freemasonry tidak mengakui nama sebarang Tuhan tetapi mempercayai adanya suatu Kuasa iaitu Supreme Being.
- (4) Konsep ketuhanan Freemasonry adalah berdasarkan konsep rubu-riak, iaitu mempercayai adanya Tuhan tetapi tidak mengikut syariat mana-mana ugama.
- (5) Amalan dalam Freemasonry terbahagi dua. Pertamaanya amalan upacara (ritual) dan kedua, amalan kemasyarakatan di antara ahli-ahli. Amalan upacara mengikut mereka adalah amalan berpunca dari adat-istiadat di zaman Nabi Allah Sulaiman seperti sewaktu bersumpah dengan berkaki ayam, menyinsing kaki seluar sebelah kanan, meletakkan seutas tali di leher, menghunus pedang ke dada dan sebagainya.
- Amalan sosial ialah memberi pertolongan kepada ahli-ahlinya sahaja dengan menggunakan code rahsia atau pertolongan kepada sebarang pertubuhan yang difikirkan sesuai oleh mereka. Freemasonry juga mengadakan upacara perjumpaan yang berkala di antara ahli-ahlinya untuk meyakinkan ahli-ahlinya bahawa ajaran Freemasonry adalah yang paling tinggi mengatasi segala ajaran ugama.
- (6) Matlamat Freemasonry mewujudkan satu fahaman yang dapat mengatasi segala konsep ugama yang bertujuan membentuk kekuasaan sejagat tanpa ugama yang tertentu.

Dengan berdasarkan kesimpulan di atas maka Jawatankuasa itu berpendapat bahawa Freemasonry pada keseluruhannya bertentangan dengan akidah Islam.

Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat: Oleh kerana memandangkan bahawa Freemason itu begitu bahaya dan menyentuh akidah Islam, maka apakah satu cara bertaubat yang perlu diberikan kepada orang ramai supaya orang ramai sedar bahawa dengan cara bertaubat ini sahajalah ia akan bersih daripada dosa yang begitu besar?

Yang kedua, bagaimanakah pandangan Kerajaan bahawa terdapat di antara pemimpin-pemimpin tanahair kita khususnya pemimpin-pemimpin setengah-setengah badan dakwah yang menjadi ahli Freemason.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan soalan pertama, Kerajaan telah menerangkan pendapat Jawatankuasa ini dan mana-mana ahli samada orang-orang dalam Kerajaan ataupun di luar Kerajaan, dengan keterangan yang diberi oleh Jawatankuasa yang saya sebutkan tadi iaitu pertubuhan Freemason itu adalah bersalahan dengan akidah ugama kita, maka itulah diminta kalau belum terceburlah di dalamnya supaya jangan terceburlah dan jika telah terceburlah di dalamnya hendaklah bertaubat dan cara bertaubat itu kita mengikutlah cara yang biasa kita bertaubat.

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Soalan tambahan. Adakah Kerajaan bercadang untuk mengharamkan dari segi undang-undang terhadap pertubuhan Freemason yang ada di dalam negara kita sekarang?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, masalah itu pun dikaji juga daripada segi undang-undang dan didapati tidak ada sebab-sebab yang boleh mengharamkan pertubuhan seperti ini, kerana yang dikatakan salah ini ialah salah daripada segi merosakkan akidah bagi orang Islam, tetapi bagi yang bukan Islam dia tidak menjadi soal dan tidak ada kelihatan sebab-sebab yang kita boleh mengharamkan dari segi undang-undang pertubuhan ini.

Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hendak bertanya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di dalam kajian

Jawatankuasa Bahagian Ugama mengenai masalah Freemason ini, dapatkah atau tidak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menjelaskan:

Pertama, sejauh manakah pengaruh Freemason ini wujud di dalam negara kita?

Kedua, berapa banyakkah orang-orang atau berapa ramaikah orang-orang yang betul-betul terlibat dalam gerakan Freemason ini?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, Freemason sudah wujud di negara kita selama 150 tahun mulai di Pulau Pinang dan tak ada bukti-bukti yang menunjukkan iaitu dengan tertubuhnya pertubuhan itu ia mengancam negara kita samada dari segi sosial ataupun keselamatan. Itulah yang saya katakan tadi tak ada sebab yang kita boleh mengharamkan pertubuhan itu dari segi undang-undang.

Berkenaan dengan bilangan orang-orang yang terlibat iaitu orang-orang Islam, saya tak dapatlah memberi butirnya dan saya berkehendakkan notis.

Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kalau tak silap saya dalam bulan Julai yang lepas, satu jawapan diberi oleh pihak Kerajaan bahawa Freemason ini tidak ada hubungannya dengan Zionism tetapi daripada jawapan yang kita dengar hari ini timbul nama Nabi Allah Sulaiman yang dengan sendirinya ada hubungan dengan Yahudi. Soalnya manakah di antara satu jawapan yang boleh dipegang?

Tuan Yang di-Pertua: Yang terbaru sekali, yang dahulu itu belum selesai lagi penyiasatan oleh Jawatankuasa yang berkenaan.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya faham. Benarkan saya menjawab Sungguhpun ada asal usul berkaitan dengan Nabi Allah Sulaiman, apabila Ahli Yang Berhormat membangkitkan samada ada hubungan dengan Zionism dalam hubungan sekarang ahli-ahli Freemason tak ada bukti yang menunjukkan mereka yang ada sekarang ini ada hubungan dengan kumpulan Zionism itu.

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Soalan tambahan, Dalam kajian Jawatankuasa berkenaan Freemason ini dapatkah Yang Amat

Berhormat Perdana Menteri menerangkan kepada Dewan ini kenapakah kalau kita tengok senarai ahli-ahli Freemason itu keseluruhannya terdiri daripada orang-orang besar, gajinya mahal ataupun negarawan pun ada dan tidak ada pula termasuk orang-orang yang kecil-kecil macam saya.

Tuan Yang di-Pertua: Ini kecil badankah atau kecil apa?

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Pangkatnya besar. Kenapakah orang-orang yang mempunyai kedudukannya yang tinggi dalam masyarakat dan dalam mencari ahli tak mahu pula mengambil ahli yang tidak ada kedudukan dalam masyarakat.

Perdana Menteri: Itu wallahualam bisawab (*Ketawa*).

Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Soalan tambahan. Saya hendak bertanya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengikut kajian kita tahu Freemason telah wujud dalam negara kita lebih dari 100 tahun, setakat pengetahuan dalam kajian, adakah pergerakan ini pernah mengancam keselamatan negara dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua: Sudah dijawab oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tadi.

Tuan Mohd. Nakhai bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Oleh kerana di dalam Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah menasihatkan angkatan muda supaya jangan mudah terpengaruh dengan fahaman asing yang menyekat kebebasan, tidakkah menerusi pergerakan Freemason ini dapat dijadikan oleh setengah golongan sebagai saluran untuk menyebarkan fahaman asing yang berbahaya itu? Kedua, tidakkah Kerajaan mencurigai bahawa dengan mempengaruhi orang-orang atasan sebagai anggotanya, ini boleh menimbulkan ataupun boleh mempengaruhi dan dapat dijadikan saluran untuk mempengaruhi pentadbiran dan dasar-dasar dalam negeri walaupun dengan secara tidak langsung.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan soalan pertama, saya katakan tak ada bukti yang menunjukkan iaitu

pertubuhan ini ada pengaruhnya dan boleh mendakyah atau influence dasar luar atau polisi luar negeri di dalam negara kita.

Berkenaan dengan ahli-ahlinya, kita juga tak ada bukti yang menunjukkan ahli-ahli ini adalah terpengaruh sampai boleh terkeluar daripada tanggungjawab dan taat setianya kepada negara kita ketika dia menjalankan tugasnya. Bukti-buktinya tidak ada. Jikalau ada, tentu tindakan akan diambil atas seseorang itu, bukan atas pertubuhan itu.

Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat: Bolehkah pihak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bersetuju dengan saya bahawa bila seseorang berkeyakinan bahawa tidak ada Tuhan yang bernama Allah bahkan Tuhan itu begitu sahaja—self-free, maka kita berkeyakinan ini boleh mempengaruhi hidupnya dan hidup orang yang di bawahnya dengan cara menyiarkan fahaman atheis atau fahaman ilhak, free thinker dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua: Ini soalan Tauhid. Mengikut Standing Order 23 (i) tak bolehlah tanya fikiran. Saya bacakan:

“Sesuatu pertanyaan tidak boleh dikeluarkan dengan tujuan hendak mendapatkan buah fikiran”

dan panjang lagi. Saya bacakan setakat itu.

Puan Shariffah Dorah binti Mohammed: Soalan tambahan. Bolehkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menerangkan bahawa adakah benar Lions Club dan Rotary Club ini di mana tempat kegiatan Freemason ini berselindung?

Tuan Yang di-Pertua: Ini sudah terkeluar daripada Freemason. Rotary Club dan Lions Club sudah berlainan.

PEMBELIAN LEMBU AUSTRALIA

5. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad minta Menteri Pertanian menyatakan samada benar bahawa sistem lembu pawah yang dibeli dari Australia tidak memberi keuntungan yang besar kepada negara disebabkan pemeliharaan dan penjagaannya sangat rumit. Samada Kerajaan akan mengkaji semula pembelian lembu dari Australia, sebaliknya membeli lembu-lembu dari Indonesia dan Thailand yang keadaan iklim hawanya serupa

yang tujuan besarnya ialah membanyakkan lembu daging di negara ini. Jika tidak, mengapa.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Edmund Langgu anak Saga): Tuan Yang di-Pertua, jawapannya tidak benar. Lembu-lembu yang dibeli dari Australia boleh memberi keuntungan yang lebih tinggi daripada lembu-lembu tempatan jika dipelihara dengan teratur. Dari itu Kerajaan bercadang hendak menambah bilangan ternakan lembu dan kerbau di negara ini dari 600,000 ekor yang ada sekarang kepada 1,000,000 ekor menjelang tahun 1990. Pembelian ternakan dari luar negeri adalah perlu untuk meninggikan mutu baka ternakan lembu-lembu tempatan. Kerajaan juga berhati-hati dalam pembelian ternakan dari luar negeri terutama dari segi mengawal penyakit.

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Soalan tambahan. Adakah lembu-lembu dari Australia yang diberikan kepada orang-orang yang hendak memeliharanya waktu dekat pilihanraya atau waktu pilihanraya?

Tuan Edmund Langgu anak Saga: Itu soalan lain.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu daripada Timbalan Menteri Pertanian tentang lembu yang dibawa daripada Australia setahu saya ialah jenis Drought Master. Lembu-lembu ini selalunya tidak pernah dicucuk hidung dan tidak sesuai dengan hawa di negeri kita ini. Adakah pihak Kementerian sedar bahawa banyak lembu-lembu ini telah pun mati sebelum dan sesudah sampai ke tangan pihak-pihak yang hendak memeliharanya.

Tuan Edmund Langgu anak Saga: Sedikit-sedikit memang ada. Tetapi bukan semuanya mati, kebanyakannya hidup dan memberi hasil yang baik kepada negara kita.

AKTIVITI PEMIMPIN POLITIK

6. Dr Chen Man Hin minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada beliau akan hentikan operasi-operasi yang dilakukan secara senyap terhadap parti-partai politik yang sedang mengamalkan

aktiviti-aktiviti politik yang sah seperti meletakkan agen-agen untuk mencipta kacau-bilau dalam parti-partai pembangkang serta "tapping" talipon-talipon pemimpin-pemimpin politik kerana aktiviti-aktiviti serupa ini telah dikutuk di peringkat antarabangsa dan ianya juga merupakan satu pencabulan yang besar hak-hak asasi manusia.

Menteri Pertanian (Dato' Shariff Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin menjawab bagi pihak Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri. Tidak ada sebarang operasi dijalankan seperti yang ditomahkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Tuan P. Patto: Tidakkah benar bahawa talipon-talipon yang digunakan oleh pemimpin-pemimpin politik dari pihak Pembangkang ada ditape?

Dato' Shariff Ahmad: Kita tidak tahu perkara itu.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Yang Berhormat Menteri Pertanian tidak tahu oleh kerana beliau tidak lagi dalam Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, dan, Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah ini di mana kalau membuat soalan tambahan (supplementary) tentulah jika Menteri tidak berada di sini Yang Berhormat Timbalan Menteri mesti ada di sini. Kenapa tidak ada seorang yang tahu berkenaan perkara ini, tentulah Yang Berhormat Menteri ini tidak tahu.

Tuan Yang di-Pertua: Ini bukan soalan tambahan.

Tuan P. Patto: Soalan tambahannya.

Tuan Yang di-Pertua: Sabar dahulu! Yang Berhormat Menteri Pertanian menjawab bagi pihak Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri. Dan dalam Kabinet sistem beliau adalah bertanggungjawab sama. Jadi sila kalau hendak jawab.

Dato' Shariff Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, jawapannya ialah yang diberi tadi kita sudah tahu dan tidak ada perbuatan seperti itu yang dikatakan oleh Yang Berhormat itu. Kalau ada yang specific, beri tahu.

Tuan P. Patto: Tuan Yang di-Pertua, saya masih ingat bahawa di dalam Parlimen pihak Kerajaan ada mengakui bahawa tapping telah dibuat menurut syarat-syarat di bawah satu undang-undang. Adakah Yang Berhormat Menteri itu sedar dan apakah undang-undang itu dan syarat apakah yang digunakan untuk tapping ini?

Tuan Yang di-Pertua: Ini apakah soalnya? Tiada jawapan yang boleh menjadi soalan tambahan. Yang Berhormat Menteri tadi menjawab tidak ada.

Tuan P. Patto: Saya kata, masih saya ingat ada sekali di dalam Dewan ini di mana satu jawapan diberi oleh pihak Kerajaan bahawa tapping itu ada berlaku. Jadi nampaknya Menteri telah bercanggah . . .

Tuan Yang di-Pertua: Kenyataan itu tiada siapa yang mengesahkan, bacakan kalau ada.

Tuan P. Patto: Boleh, Tuan Yang di-Pertua, kalau diberi tempoh masa. Sebab kita tidak tahu apakah jawapan sebelumnya yang diberi oleh Menteri.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau dua-dua bercakap, siapa yang dengar? Saya tegas dan kalau saya bercakap, jangan orang lain bercakap.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri, kalau dia tahu, kalau tak tahu, boleh kata tak tahu. Jika beliau tahu samada di bawah undang-undang yang ada Kerajaan atau pihak yang berkenaan boleh membenarkan tapping telefon pemimpin-pemimpin Pembangkang atau lain-lain orang.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya terpaksa menerangkan masalah ini. Kita tidak mengamalkan di negara kita ini tapping. Tetapi kalau berkaitan dengan jenayah—ini tidak masuk politik, Kerajaan ada kuasa dan kuasa itu adalah diberi kepada Perdana Menteri dan Perdana Menteri dengan bertulis membenarkan pihak yang berkenaan tape telefon. Tetapi berkenaan dengan masalah jenayah sahaja, tidak politik. Kebenaran itu cuma berkuasa di tangan Perdana Menteri dan Perdana Menteri memberikannya dengan bertulis.

Tuan Haji Ikhwan bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu daripada Menteri yang berkenaan, pernahkah anggota-anggota Pembangkang menyampaikan sesuatu aduan kepada Menteri Dalam Negeri yang merasakan bahawa mereka ini merasa guilty apa yang telah berlaku ketika mereka menggunakan talipon dan sebagainya. Adakah pernah pihak Menteri menerima apa-apa aduan daripada ahli-ahli Pembangkang, saya ulang lagi, yang telah menunjukkan dalam Dewan ini bahawa mereka merasa guilty apa yang telah mereka buat melalui talipon dan sebagainya.

Dato' Shariff Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, setakat yang kita tahu tidak ada.

PELAN INDUK WILAYAH PERSEKUTUAN

7. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan apakah kemajuan yang telah dicapai setakat ini dalam mengadakan dan melaksanakan suatu Pelan Induk untuk membimbing pertumbuhan dan perkembangan Wilayah Persekutuan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan (Tuan Abdullah bin Haji Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, sebuah Yunit baru, iaitu Yunit Pelan Induk, telah ditubuhkan di Dewan Bandaraya pada 1hb Julai, 1978 untuk menyediakan Pelan Induk Wilayah Persekutuan. Setakat ini Rengkesan Projek (Project Brief) dan Asas Rujukan (Terms of Reference) telah disiapkan. Sekarang ini Yunit Pelan Induk sedang menyiapkan "Inception Report" bagi menetapkan dasar, objektif, skop, pendekatan dan program/perangkat kerja kajian tersebut.

Keseluruhan kerja-kerja menyediakan Pelan Induk terbahagi kepada beberapa peringkat iaitu:

- (i) Kajian permulaan
- (ii) Kajian kawasan
- (iii) Kajian luar dan pengumpulan data
- (iv) Analisa dan anjalan
- (v) Kajian sektoral dan pembentukan dasar
- (vi) Lapuran akhir dan pelan.

Adalah dijangka kerja-kerja awal ini akan mengambil masa sekurang-kurangnya 2 tahun. Dalam menyediakan Pelan Induk ini, Kerajaan mencuba sedaya upaya bagi mendapat

juru perunding-juru perunding tempatan, tetapi walau bagaimanapun Kerajaan mungkin mendapatkan juru perunding-juru perunding luar negeri mengenai perkara-perkara tertentu yang menyentoh pelan tersebut. Sementara itu Kerajaan mungkin juga mendapatkan kepakaran daripada sektor swasta dan juga universiti-universiti bagi beberapa "man-months" ataupun jangka masa tertentu untuk kerja-kerja khusus yang diperlukan untuk Pelan itu.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Setiausaha Parlimen yang berkenaan samada beliau sedar bahawa dengan ketiadaan satu pelan induk yang teratur untuk Kuala Lumpur dan Wilayah, masalah seperti setinggan, traffic, pembangunan, banjir dan lain-lain tidak dapat diatasi dengan efektif. Dan jika beliau sedar, bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen yang berkenaan memberitahu Dewan ini samada Kerajaan bercadang untuk mengambil langkah-langkah yang lebih positif untuk mempercepatkan pelaksanaan satu pelan induk untuk Kuala Lumpur ini.

Tuan Abdullah bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, jawapan saya ialah sebab itulah kita mengadakan pelan induk dan menyediakan pelan induk ini bukanlah satu kerja yang senang. Kalaulah hendak dibuat dengan teratur dan tersusun supaya masalah-masalah yang kita hadapi sekarang ini dalam pembangunan Wilayah Persekutuan dapat diatasi maka pelan ini mestilah dirancang dan dibuat dengan betul-betul dan dengan keadaan progres sekarang ini yang telah dicapai oleh kumpulan yang terlibat dengan penyediaan pelan induk ini, pihak Kerajaan adalah berpuas hati.

Tuan Lee Lam Thye: Bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memberitahu Dewan ini, sehingga hari ini berapa orang Juru Perunding yang telah diambil oleh Kerajaan untuk merangka pelan induk ini?

Tuan Abdullah bin Haji Ahmad: Sehingga peringkat ini perjawatan yang terlibat dengan kerja-kerja pelan induk ini adalah sebanyak 95 orang ramainya dan lebih kurang satu pertiga daripadanya adalah terdiri daripada pakar-pakar dari berbagai-bagai bidang yang perhubungan dengan perancangan dalam bandar iaitu umpamanya yang berhubung dengan perancangan bandar, yang berhubung

dengan kepakaran dalam public transport, yang berhubung dengan kaji masyarakat dan lain-lain lagi kepakaran yang diperlukan untuk mengadakan pelan yang begitu rupa.

BUKU "ZAMAN PANCAROBAB"

8. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan mengapa buku "Zaman Pancaroba", karangan Kassim Ahmad, diharamkan; dan adakah benar tujuh buah buku lain yang dikarang oleh Kassim Ahmad dalam tahanan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri masih belum dibenarkan keluar dan nyatakan sebab-sebab mengapa buku-buku ini tidak dibenarkan keluar.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Dato' Seri Syed Ahmad Shahabuddin Al-Haj): Tuan Yang di-Pertua, Kassim Ahmad telah mengambil tindakan Civil di mahkamah terhadap Kerajaan atas pengharaman manuskrip novel "Zaman Pancaroba". Oleh kerana kes ini masih lagi dalam pertimbangan mahkamah maka soalan Ahli Yang Berhormat tidaklah boleh dijawab menurut peraturan 23 (1) (g) Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat.

Selain dari novel "Zaman Pancaroba", tidak ada buku lain yang ditulis oleh Kassim Ahmad semasa dalam tahanan.

Tuan Lim Kit Siang: Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa bapa Kassim Ahmad telah menulis kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri mengenai tahanan (bukan pengharaman) 7 buah buku yang lain yang ditulis oleh Kassim Ahmad semasa dalam tahanan di mana pihak yang berkenaan tidak membenarkan manuskrip 7 buah buku ini dikeluarkan daripada tempat tahanan untuk dicetak.

Dato' Seri Syed Ahmad Shahabuddin Al-Haj: Tuan Yang di-Pertua, saya telah terangkan, tidak ada buku lain yang ditulis oleh Kassim Ahmad semasa dalam tahanan.

RANCANGAN TV DAN RADIO

9. Tuan V. David minta Menteri Penerangan menyatakan samada beliau boleh memberi jaminan dalam Dewan ini bahawa beliau akan mengadakan rancangan-rancangan TV dan Radio yang akan mencerminkan

masyarakat berbilang kaum dengan menambah bilangan saluran-saluran TV dan Radio seperti berikut:

TV:

- 2 saluran dalam Bahasa Malaysia;
- 1 saluran dalam Bahasa China;
- 1 saluran dalam Bahasa Tamil;
- 1 saluran dalam Bahasa Inggeris.

Radio:

- 2 gelombang dalam Bahasa Malaysia;
- 1 gelombang dalam Bahasa China;
- 1 gelombang dalam Bahasa Tamil;
- 1 gelombang dalam Bahasa Inggeris.

Timbalan Menteri Penerangan (Dr Ling Liong Sik): Tuan Yang di-Pertua, rancangan-rancangan Radio dan Talivisyen Malaysia mempunyai tujuan untuk membantu Kerajaan dalam usaha menyatupadukan rakyat Malaysia yang berbilang kaum. Pelaksanaannya ialah dengan menegaskan penggunaan Bahasa Malaysia sebagai bahasa yang diakui di bawah Perlembagaan untuk mencapai cita-cita negara. Kegunaan bahasa-bahasa lain seperti bahasa China, bahasa Tamil dan bahasa Inggeris adalah untuk perhubungan agar rakyat dapat memainkan peranan dan tanggungjawab mereka dengan lebih berkesan. Saya puashati bahawa cara persembahan rancangan Radio dan Talivisyen Malaysia sekarang ini adalah lebih sesuai untuk mencapai cita-cita itu daripada cara yang disyorkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Tuan V. David: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini apakah polisi Kerajaan bila Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan; polisi kebangsaan (national policy) tetapi saya nampak ada pegawai-pegawai di Radio dan Talivisyen tidak faham mengenai national policy. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu ada beberapa jam bagi tiap-tiap bahasa untuk radio dan Talivisyen daripada hari Isnin hingga hari Ahad. Bolehkah Kerajaan siasat macam mana rakyat tidak boleh puashati mengenai kebudayaan tiap-tiap bangsa yang tidak boleh dilihat dan didengar dalam radio dan talivisyen.

Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang pertama saya sudah jawab dalam soalan asal. Soalan yang kedua, saya hendak menegaskan di sini iaitu pihak Kementerian Penerangan tidak ingin mensifatkan saluran-saluran atau rangkaian-rangkaian sebagai perkauman seperti Rangkaian Tamil, Rangkaian China atau Rangkaian Inggeris dan kita mensifatkan rancangan-rancangan atau penerbitan-penerbitan kita seperti dibagikan kepada hiburan, drama, hal ehwal awam dan lain-lain yang kesemuanya mengandungi program-program yang Malaysian dan meliputi semua rakyat kita iaitu bukan sahaja satu kaum.

Tuan Mohd. Nakhai bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan telah menyebut bahawa Bahasa Malaysia sebagai asas dari segi rancangan-rancangan Talivisyen Malaysia itu. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan berapa jamkah Bahasa Malaysia sebenarnya digunakan setelah ditolak filem-filem dan juga rancangan-rancangan di dalam bahasa Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua: Di mana ini di Radio atau di TV?

Tuan Mohd. Nakhai bin Haji Ahmad: Di TV.

Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya rancangan-rancangan kita ada dibagikan kepada rancangan tempatan dan rancangan asing dan pada ketika ini rancangan tempatan mengambil 54.33% jumlah masa yang disiarkan oleh TV.

Tuan Lim Kit Siang: Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa terdapat sungutan atau perasaan tidak puas hati yang luas di kalangan orang ramai mengenai siaran rancangan talivisyen khasnya dalam bahasa Tionghua dan Tamil, adakah Kementerian yang berkenaan bertujuan menambahkan masa untuk program-program talivisyen dalam bahasa China dan bahasa Tamil. Dan kedua, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa dalam saluran talivisyen untuk Sabah dan Sarawak tidak pernah ada program dalam bahasa China, adakah perkara ini akan dibetulkan.

Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang di-Pertua, di dalam satu masyarakat yang berbilang bangsa, berbilang agama dan berbilang lapisan kita mengakui tentulah boleh timbul perasaan tidak puas hati dari golongan-golongan yang kecil. Pada masa ini kita tidak hendak menambahkan atau mengurangkan daripada apa yang ada sekarang. Walau bagaimanapun, jikalau Ahli-ahli Yang Berhormat ada cadangan-cadangan yang tertentu, tolonglah beri kepada kita, supaya boleh ditimbang.

Soalan yang kedua, ialah mengenai TV Malaysia di Sabah dan Sarawak. Sebenarnya TV Malaysia bermula di Sabah dan Sarawak lewat sangat jika dibandingkan dengan TV Malaysia di Semenanjung Malaysia dan masalah di situ sekarang yang menimbulkan sedikit tidak puashati daripada golongan-golongan yang tertentu ialah dua perkara. Yang pertama ialah ada kawasan-kawasan khasnya di Sarawak dan Sabah yang sekarang ini tidak diliputkan dengan siaran-siaran yang ada dari TV Malaysia dan ini kita ingin mengambil langkah untuk memenuhi kehendak siaran meliputi kawasan-kawasan itu.

Masalah yang kedua ialah soal perimbangan siaran yang ada di Semenanjung Malaysia dan siaran yang ada di Sabah dan Sarawak dan saya percaya salah satu daripada cita-cita Kementerian Penerangan ialah untuk menye-laraskan ketidak seimbangan itu.

Tuan V. David: Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan samada betul atau tidak Kerajaan hendak menghapuskan kebudayaan-kebudayaan Tamil dan Tionghua. Lagi satu soalan tambahan ialah bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi jaminan dalam Dewan ini supaya melantik satu Jawatankuasa yang terdiri dari semua parti untuk mengubah dan menyiasat program di Talivisyen dan Radio dan memberi satu laporan, supaya mana-mana syor yang boleh diterima oleh Kerajaan dapat dijalankan atau diimplementasi pada masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan yang pertama tidak perlu dijawab, iaitu tidak timbul sekarang. Jawab bahagian yang kedua sahaja.

Dr Ling Liong Sik: Bahagian kedua, Tuan Yang di-Pertua, tidak perlu. Tetapi apa yang kita boleh nampak di atas soalan Ahli Yang Berhormat dari Damansara yang berasal dari

D.A.P. di mana ada diminta hanya saluran-saluran dalam Bahasa Malaysia, China, Tamil dan Inggeris dan juga di radio gelombang-gelombang untuk serupa bahasa juga, ada kemungkinan besar dasar D.A.P. itu ialah akan mengeneipkan lain-lain golongan yang ada di negara kita seperti Kadazan, Iban, Murut dan lain-lain (*Tepuk*).

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyoal Yang Berhormat Timbalan Menteri, bilakah Sarawak akan mempunyai stesyen Talivisyennya sendiri kerana sekarang salurannya datang dari Sabah?

Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang di Pertua, sebenarnya seperti saya telah nyatakan tadi kita sedar di atas masalah yang kedua yang ada di Sabah dan Sarawak tetapi pada masa sekarang kajian sedang dibuat daripada berbagai segi dan apabila kajian ini disiapkan pertimbangan dan keputusan yang sewajarnya akan dibuat.

Tuan P. Patto: Tuan Speaker, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada mengatakan bahawa pihak Kementerian beliau telah mengambil usaha-usaha untuk menyatupadukan rakyat melalui Talivisyen Malaysia tetapi sedarkah beliau bahawa rancangan-rancangan di dalam Talivisyen semasa ia bermula beberapa tahun dahulu di mana terdapat rancangan-rancangan dalam bahasa China dan Tamil tetapi makin lama makin kurang masa yang ditetapkan atau diperuntukkan bagi kedua-dua bahasa dan rancangan-rancangan dalam kedua-dua bahasa itu dan ini telah menimbulkan kebencian terhadap Kerajaan. Sedarkah beliau atau tidak dan kalau sedar, bolehkah pihak Kerajaan mengubah supaya sekurang-kurangnya kembali kepada asal di mana masa yang lebih banyak diperuntukkan bagi bahasa China dan bahasa Tamil dan dalam perkara ini tidak menjejaskan kedudukan Bahasa Malaysia sebagai Bahasa Kebangsaan dan bahasa rasmi. Yang kedua tentang radio, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Baru satu? Panjang sangat!

Tuan P. Patto: Radio pun ada dalam ini. Soalan tambahan juga, adakah pihak Kementerian sedar bahawa setiap rangkaian bahasa China dan bahasa Tamil dan bahasa

Inggeris tidak lagi menjadi bahasa China, bahasa Tamil dan Inggeris tetapi sudah ditukar dengan diberi warna iaitu bagi bahasa China—Rangkaian Hijau; bahasa Tamil—Rangkaian Merah; dan bahasa Inggeris—Rangkaian Biru. Sudah jadi multi-colours, kecuali Bahasa Malaysia tetap Rangkaian Nasional. Jadi tidakkah ini akan menanamkan satu perasaan di mana rakyat lebih menjauhi dirinya daripada mendekati antara satu sama lain?

Tuan Yang di-Pertua: Adakah tujuannya supaya semuanya Rangkaian Nasional sahaja?

Tuan P. Patto: Nasional. Bolehkah Kerajaan buat begitu dan di setiap Rangkaian itu mengikut bahasa?

Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang pertama ialah adakah Kementerian Penerangan sedar bahawa orang ramai benci sangat dengan Kerajaan kita oleh kerana perbuatan-perbuatan seperti yang dituduhnya. Saya tidak boleh komen di atas tuduhan-tuduhannya oleh kerana sekarang ini saya tidak ada statistik samada program-program di dalam bahasa-bahasa lain ada dikurangkan atau ada ditambahkan dan jika dia hendak tahu, kita berkehendakkan notis. Tetapi mengenai kebencian kepada Kerajaan kita, saya percaya ini tiap-tiap lima tahun ada pilihanraya dan tiap-tiap pilihanraya, kita dikembalikan kepada Dewan Rakyat kita (*Tepuk*). Dan inilah bukti yang sebenarnya samada rakyat benci atau tidak terhadap kita.

Kepada soalan yang kedua atau tiga atau empat, saya pun sudah lupa. Boleh tolong ulang balik—dua, tiga dan empat.

Tuan Yang di-Pertua: Fasal terlalu panjang sangat. Berkenaan dengan warna-warna, yang lain-lain dia sebut Biru, Merah dan Hijau.

Dr Ling Liong Sik: Fasal apa kita bahagikan Rangkaian yang ada kepada Rangkaian Nasional, Biru, Hijau dan Merah ialah untuk convenience orang ramai supaya dia tahu mengikut apa metre band. Jika semua Rangkaian Nasional mana dia tahu apa metre band? Untuk convenience orang ramai kita membahagikan kepada warna-warna.

BUAH-BUAHAN TEMPATAN KE LUAR NEGERI

10. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kewangan menyatakan adakah Kementerian ini sedar ada sindiket-sindiket yang membawa buah-buahan tempatan dari Malaysia ke luar negeri menjadi masalah kepada negara ini. Apakah tindakan Kementerian ini untuk menghalang sindiket tersebut dan setakat ini berapakah kes dari sindiket tersebut telah dapat dikesan oleh pihak Kementerian ini.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Dr Neo Yee Pan): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya tidak sedar bahawa adanya sindiket-sindiket seperti yang dimaksud oleh Ahli Yang Berhormat itu dan juga tidak sedar bahawa pembawaan buah-buahan tempatan ke luar negeri menjadi masalah kepada negara ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buah-buahan tempatan boleh diekspot tanpa apa-apa sekatan; hanya pengeksport dikehendaki membayar duti eksport sebanyak 5%.

PUKAT APOLLO

11. Tuan Mohd. Bakri bin Rais bertanya kepada Menteri Pertanian samada beliau sedar bahawa mata pencarian 5,000 nelayan di pantai Pulau Pinang dan Perak adalah dalam bahaya akibat kegunaan pukat APOLLO oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab dan jika ya, apakah tindakan yang akan diambil untuk memberi perlindungan kepada nelayan-nelayan ini dan menjamin mata pencarian nelayan-nelayan di sana.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Edmund Langu anak Saga): Tuan Yang di-Pertua, kegunaan pukat APOLLO diharamkan dan tidak ada lesen dikeluarkan untuk pukat itu. Barangkali pukat Yang Berhormat maksudkan itu ialah pukat Kenka yang telah dilesenkan dengan syarat-syarat tertentu dan dikawal rapi oleh polis-polis laut dan Bahagian Perikanan.

SEKOLAH-SEKOLAH RENDAH JENIS KEBANGSAAN CHINA

12. Tuan Lee Kaw minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah bilangan sekolah-sekolah rendah jenis kebangsaan China yang telah dibina dari 1971 hingga sekarang dengan

memberikan butir-butir lanjut mengenai setiap buah sekolah dan berapakah sekolah-sekolah rendah jenis kebangsaan China yang akan dibina dari sekarang hingga tahun 1980.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Chan Siang Sun): Tuan Speaker, semenjak tahun 1971 Kementerian saya telah membina, mengganti, munasabah dan memperelokkan keadaan sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan China sejumlah 191 buah mengandungi 494 bilik darjah.

Di samping itu pula projek-projek kecil yang lain seperti kantin, pagar, tandas moden dan sebagainya. Dari sekarang sehingga tahun 1980 lebih kurang 123 buah Sekolah mengandungi 260 bilik darjah akan dicadangkan pembinaannya. Ini termasuk menambah, mengganti dan memperelok sekolah-sekolah yang sedia ada. Walau bagaimanapun bilangan sebenarnya yang dapat dibina bergantung kepada keupayaan faktor seperti tapak tanah, pengeluaran tender dan sebagainya.

Tuan Chan Teck Chan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa di mana-mana kawasan sekolah-sekolah rendah aliran China adalah menghadapi berbagai masalah terutamanya kekurangan bilik-bilik darjah seperti di Kemendor dan Machap Umbor di Melaka di mana murid-murid sekolah terpaksa belajar di Kantin dan ada sebahagiannya pula terpaksa bercampur dengan murid-murid Sekolah Kebangsaan di Kemendor. Dan juga banyak sekolah-sekolah rendah sangat sukar memperolehi peruntukan perbelanjaan untuk memenuhi keperluan hari-hari seperti memperbaiki sekolah, menyelenggara sekolah dan sebagainya.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, bagi negeri Melaka saya sendiripun sudah beberapa kali melawat negeri itu. Setahu saya keadaannya tidak seperti yang dikatakan. Kitapun ada di dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini melancarkan projek-projek seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi iaitu bilik darjah tambahan, tandas, kantin dan sebagainya untuk Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan

China di negeri Melaka. Jadi dengan perlaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga ini, sebahagian besar Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan China akan dapat tambahan bilik darjah dan sebagainya untuk kesempurnaan masalah-masalah yang dihadapi dahulu.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya tidak tahu samada Yang Berhormat Timbalan Menteri sengaja atau dengan tidak sengaja tidak jawab soalan yang dikemukakan. Soalannya ialah berapa buah sekolah yang dibina dari tahun 1971 sehingga sekarang. Apa yang kita dengar ialah menambahkan dan memperlakkan serta memodenkan.

Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini berapa Sekolah Jenis Kebangsaan China yang telah dibina di antara 1971 hingga sekarang. Itu-lah maksud soalan.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Speaker, saya tidak jawab soalan itu di dalam jawapan pokok saya itu ialah kerana tambahan sahaja setakat hari ini yang keperluan daripada Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan China. Semua meminta untuk menambahkan bilik darjah sahaja. Jadi oleh sebab itulah kita menambahkan bilik-bilik darjah untuk keperluan mereka.

Jadi dasar Kementerian Pelajaran pada hari ini ialah kita akan membina sekolah-sekolah menengah khasnya sekolah-sekolah menengah di luar bandar dan juga sekolah-sekolah rendah. Tetapi bergantung kepada keperluan.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan jawapan bagi Pertanyaan No. 13 adalah diberi di bawah ini).

PUSAT PENGAJIAN TINGGI ISLAM NILAM PURI

13. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Pelajaran menyatakan setakat manakah Kejayaan yang dicapai dalam usaha menyerapkan Pusat Pengajian Tinggi Islam Nilam Puri ke dalam Universiti Malaya, atau mana-mana Universiti tempatan. Apakah

lagi halangan-halangan yang terdapat dalam usaha setakat ini. Bilakah langkah berkesan akan dapat dijalankan.

Dato' Chan Siang Sun: Jumaah Menteri dan Kerajaan Negeri Kelantan telahpun ber-setuju di atas dasar percantuman Pusat Pengajian Tinggi Islam Nilam Puri dengan Universiti Malaya. Persetujuan mengenai beberapa perkara telahpun dicapai hanya pihak-pihak yang terlibat berpendapat perkara ini perlu dikaji dan dirancang dengan lebih mendalam dan lebih teliti lagi supaya ianya tidak menghampakan kemudian hari kelak.

Pihak-pihak yang terlibat termasuk Kementerian saya sedang berusaha dengan lebih giat lagi dan saya yakin percantuman ini akan terlaksana sebaik-baik sahaja segala proses perundingan tamat kelak.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1979

Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". (24hb Oktober, 1978).

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 1979

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Usul yang berikut dirujukkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada \$4,861,133,382 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1979, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1979

yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 33 tahun 1978, adalah diuntukkan di bawah maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut". (24hb Oktober, 1978).

3.36 ptg.

Tuan Chien Tiong Kai (Sarikei): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang Perbekalan, 1979 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada 20hb Oktober, 1978.

Pada pandangan saya, Rang Undang-undang yang dibentangkan itu bolehlah dikatakan sangat baik oleh sebab dapat mendatangkan faedah kepada rakyat-jelata dan mengurangkan berbagai jenis cukai impot dan meningkatkan kadar pelepasan anak-anak dari cukai pendapatan bagi golongan yang makan gaji.

Saya amat bersetuju dengan pendapat ini bahawa rakyat kita mempunyai kebolehan dan keupayaan untuk meninggikan taraf hidup terutamanya mereka yang miskin.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan sokongan saya terhadap Rang Undang-undang ini, saya ingin menarik perhatian Dewan ini mengenai masalah yang dihadapi oleh rakyat kita di Sarawak lebih-lebih lagi kepada kaum-kaum petani atau pekebun kecil.

Tuan Yang di-Pertua, masalah tanah Sarawak mempunyai kawasan seluas lebih daripada 48 ribu batu persegi dan penduduknya hanya sedikit sebanyak 1 juta orang. Walaupun demikian sebilangan ramai petani-petani yang mencari nafkah mereka di ladang-ladang lada hitam, sawah-sawah padi dan sebagainya masih menghadapi masalah berhubung dengan tanah.

Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan mereka tidak mempunyai tanah mereka sendiri dan terpaksa mengusahakan tanah orang-orang lain yang disewa oleh mereka. Apabila tuan-punya tanah tersebut mahukan tanah itu kembali untuk tujuan yang lain maka ianya boleh menimbulkan masalah dan beban yang besar kepada para petani ini, khasnya kepada petani-petani dari kaum bukan bumiputra menghadapi masalah tersebut.

Saya dapat tahu juga iaitu pada masa sekarang Kerajaan telah menggalakkan Bumiputra mengambil bahagian dalam bidang perniagaan dan perindustrian, dan saya berharap juga Kerajaan kita menggalakkan lebih ramai lagi kaum bukan Bumiputra mengambil bahagian dalam bidang pertanian. Oleh yang demikian saya bercadang supaya mencari tapak tanah yang sesuai untuk tujuan menambah sekim bercucuk tanam untuk kaum yang bukan Bumiputra di negeri Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada masalah kekurangan tanah dihadapi oleh petani-petani kita di Sarawak ada juga masalah yang boleh dikatakan satu masalah yang besar dan boleh memberi kerugian paling besar kepada petani-petani kita di Sarawak khasnya kepada petani-petani yang bertanam lada. Mereka itu cuma dapat sedikit sahaja keuntungan dari harga hasil-hasil tanaman itu, oleh sebab terpaksa membayar lebih kurang 10% hingga 17% cukai eksport atas tanaman tersebut dan membeli baja, insecticides dan weedicides harganya yang begitu tinggi. Oleh itu saya merayu kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan supaya mengurangkan cukai eksport atas hasil tanaman lada dan mengurangkan juga cukai impot atas baja insecticides, weedicides dan sebagainya. Sekiranya cukai-cukai seperti saya sebutkan tadi dapat dikurangkan maka petani-petani lada di Sarawak boleh dapat keuntungan sedikit. Ini bererti taraf hidup mereka dinaikkan dari satu keadaan ke satu keadaan yang lebih baik.

Tuan Yang di-Pertua, perhubungan kemudahan pengangkutan seperti jalanraya adalah masih merupakan masalah utama bagi penduduk-penduduk luar bandar di Sarawak. Kebanyakan petani-petani di Sarawak terpaksa berjalan kaki mengayuh sampan dan sebagainya selama berjam-jam untuk pergi ke pekan-pekan bagi menjual hasil-hasil tanaman mereka. Oleh hal yang demikian, saya juga ingin merayu kepada Kerajaan Pusat supaya mempercepatkan lagi pembinaan jalan-jalanraya di mana yang perlu supaya lebih ramai para petani kita ini dapat mengeluarkan hasil tanaman mereka dengan mudah lagi untuk dipasarkan demi untuk kepentingan ekonomi mereka dan negara.

Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat saya pembinaan jalan-jalanraya yang lebih banyak ini adalah perlu disegerakan dan diberi perhatian yang berat oleh Kerajaan Pusat.

Tuan Yang di-Pertua, kemudahan-kemudahan seperti pelabuhan juga tidaklah mencukupi dan memandangkan kegunaannya adalah semakin bertambah sekarang, maka saya ingin menyeru kepada Kerajaan supaya mengkaji dan membina sebuah pelabuhan lagi di Tanjung Mani, Sarawak. Sekiranya kemudahan-kemudahan pelabuhan seperti saya sebut di sini memanglah penting sekali oleh sebab lebih ramai lagi penduduk-penduduk di kawasan Bahagian Dua, Tiga, Enam dan Tujuh dapat faedah dari kemudahan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, pelajaran adalah merupakan satu perkara yang penting bagi jenerasi kita yang akan datang. Baru-baru ini Rang Undang-undang (Persendirian) yang bernama Akta Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan) tahun 1978 untuk meminda Akta Universiti dan Kolej Universiti tahun 1971 untuk mengadakan peruntukan bagi ditubuhkan Universiti dan Kolej Universiti persendirian telah ditolak. Sebenarnya rakyat di negara ini adalah memerlukan Kerajaan mengadakan lebih banyak tempat di universiti-universiti dan kolej-kolej tempatan bagi membolehkan penuntut-penuntut kita melanjutkan pelajaran mereka. Sebagaimana yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran dari 30,265 permohonan untuk memasuki universiti-universiti tempatan sebanyak 23,828 permohonan telah ditolak. Ini adalah amat merugikan penuntut-penuntut yang dijangka boleh melanjutkan pelajaran mereka dan seterusnya akan merugikan negara kita juga. Oleh sebab itu saya merayu kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan supaya universiti-universiti dan kolej-kolej yang ada sekarang diperbesarkan lagi untuk mengurangkan bilangan permohonan yang ditolak itu khasnya permohonan-permohonan dari kaum yang bukan Bumiputra.

Tuan Yang di-Pertua, sebaran am memanglah belum memuaskan. Dengan adanya kemajuan negara televisyen adalah memainkan peranan yang penting dalam sebaran am. TV boleh dinikmati oleh semua penduduk di negara ini hingga ke kawasan-kawasan terpencil. Ia boleh menerangkan

kepada rakyat mengenai dasar-dasar Kerajaan dan bagaimana untuk memperbaiki hidup rakyat. Pada masa ini di Sarawak rancangan-rancangan seperti Warta Berita, Peristiwa dan sebagainya adalah dalam Bahasa Malaysia sahaja. Kebanyakan kaum di negeri Sarawak belum lagi mahir dalam Bahasa ini, dengan ini saya merayu kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan supaya mengadakan rancangan-rancangan ini dalam bahasa Iban dan China oleh kerana kedua-dua kaum ini adalah merupakan kaum yang terbesar sekali di negeri Sarawak. Oleh itu saya harapkan supaya Rangkaian Dua TV Malaysia diperluaskan di negeri Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi memberitahu Dewan yang mulia ini iaitu saya menyokong Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua: Saya cuba pilih Ahli Yang Berhormat yang belum ada membuat ucapan sulungnya. Ahli Yang Berhormat dari Padang Rengas!

3.50 ptg.

Tuan Umar bin Haji Ismail (Padang Rengas): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong usul Belanjawan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan pada 20hb Oktober, 1978 yang lalu. Belanjawan yang dikemukakan oleh Menteri Kewangan itu telah disambut dengan perasaan lega dan berpuas hati oleh kebanyakan rakyat negara ini, termasuklah mereka yang tinggal di luar bandar. Rakyat di luar bandar dengan perasaan penuh harapan dengan Belanjawan yang telah diumumkan itu akan dapat mengubah nasib dan taraf hidup mereka bagi menuju ke arah zaman yang gemilang. Adalah diyakinkan bahawa Belanjawan yang telah diumumkan itu telah dikaji dan disusun begitu rupa bersesuaian dengan Belanja Pembangunan yang telah dirancang.

Tuan Yang di-Pertua, Negeri Perak adalah termasuk dalam kumpulan negeri-negeri yang telah maju. Sebagai seorang yang tinggal di negeri itu saya menumpang bangga bahawa negeri Perak telah dapat mengatasi beberapa negeri lain yang kurang maju yang diberi bantuan yang besar bagi memajukan negeri yang kurang maju itu. Saya suka menjelaskan bahawa walaupun negeri Perak diiktiraf sebagai sebuah negeri yang telah maju akan

tetapi bukanlah bermakna keseluruhan negeri Perak itu telah maju bahkan ada kawasan-kawasan yang belum maju lagi, kalau tidak pun kurang akan tetapi adalah sama dengan negeri-negeri yang kurang maju juga seperti kawasan Ulu Perak, Kuala Kangsar dan lain-lain lagi. Oleh yang demikian, kawasan-kawasan yang kurang maju ini juga adalah diharapkan mendapat pandangan dan perhatian dari pihak Kerajaan terutama sekali di dalam segi pembinaan kilang-kilang perusahaan, oleh kerana walaupun Kerajaan Negeri Perak telah menyediakan tapak-tapak perusahaan tetapi tidak mendapat perhatian dan sambutan yang sewajarnya daripada pihak swasta.

Sebagai contoh, kawasan perusahaan di Kuala Kangsar walaupun telah lama dibuka akan tetapi sehingga ini hanya sebuah kilang kain sahaja yang telah menjalankan perusahaannya. Oleh kerana sambutan daripada pihak swasta tidak menggalakkan untuk mendirikan kilang-kilang di luar bandar adalah diharapkan perbadanan ataupun agensi-agensi Kerajaan sendiri mendirikan kilang-kilang perusahaan kecil yang menggunakan bahan-bahan pertanian tempatan seperti kilang memproses getah, kilang peralatan yang menggunakan lebih-lebihan atau reja-reja kayu balak, kilang memproses ubi kayu, kilang memproses kacang tanah dan sebagainya yang mana bahan-bahan mentah yang boleh didapati dengan mudahnya dari kawasan-kawasan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menarik perhatian Perbadanan Kemajuan Pelancungan Negara kita ini supaya membuat kajian untuk memajukan beberapa tempat keindahan alam semula jadi yang terdapat di kawasan Padang Rengas. Satu daripadanya ialah Tasik Empangan Chenderoh yang telah dibina pada tahun 1926 yang luasnya lebih kurang 50 batu persegi. Kawasan ini jika dimajukan boleh menarik perhatian pelancung-pelancung kerana letaknya yang sangat sesuai dan elok, iaitu di tengah-tengah perjalanan antara Lebuh raya Ipoh-Pulau Pinang dengan Lebuh raya Timur-Barat Kelantan-Pulau Pinang. Apakala Lebuh raya Timur-Barat siap kelak, tempat ini adalah kedudukannya di tengah-tengah perjalanan dari kawasan Ipoh. Di sini juga terdapat segala kemudahan seperti perbekalan letrik, tempat perkelahan, memancing ikan dan sebagainya. Selain daripada itu di kawasan ini terdapat 5 buah air terjun yang menjadi

tempat perkelahan akan tetapi kawasan-kawasan ini belum dimajukan lagi bagi menarik pelancung-pelancung.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh berhubung dengan dasar pembukaan hutan secara berluas-luasan walaupun saya tahu kuasa tanah dan hutan ini terletak dalam tangan Kerajaan Negeri akan tetapi oleh kerana pembukaan hutan-hutan ini melibatkan kawasan tadahan hujan dan menimbulkan kesusahan kepada petani-petani dan menjejaskan juga dasar dan hasrat Kerajaan kita untuk meninggikan taraf hidup petani-petani terutamanya yang tinggal di luar bandar. Saya berharap Kerajaan kita khususnya Kementerian Pertanian supaya campurtangan bagi mengawal atau menentukan syarat-syarat pembukaan hutan di kawasan pertanian supaya tidak menimbulkan kesusahan kepada rakyat, khususnya petani-petani luar bandar.

Sebagai contoh, saya suka menerangkan keadaan yang berlaku di kawasan Padang Rengas. Tuan Yang di-Pertua, satu masa dahulu kawasan ini adalah satu kawasan persawahan padi di luar kawasan jelapang padi yang terkenal di negeri Perak. Kawasan ini juga telah dipilih sebagai kawasan pertama untuk percubaan menanam padi dua kali setahun di negeri itu dan juga telah dipilih menjadi sebagai pusat persatuan peladang yang utama di negeri Perak yang telah mendapat kejayaan yang cemerlang. Kawasan itu telah dijadikan kawasan contoh bagi petani-petani di negeri itu dan pernah dilawati bukan sahaja oleh pelawat-pelawat dalam negeri bahkan juga oleh pelawat-pelawat dari luar, akan tetapi zaman kegemilangan itu telah lenyap oleh kerana kegiatan perusahaan persawahan di kawasan ini telah terjejas oleh beberapa sebab. Sebab yang utama ialah kerana ketiadaan punca air sejak kawasan tadahan hujan yang terdapat di situ telah dibuka samada secara halal untuk tujuan pembalakan atau pertanian dan juga secara penerokaan tanah secara haram dengan tujuan-tujuan mereka sendiri. Sehingga ini tidak ada apa-apa langkah yang diambil bagi menyelamatkan rakyat, khususnya petani-petani yang bergantung keperluan hidup mereka kepada air yang berpunca dari kawasan tadahan hujan yang telah dibuka itu.

Tuan Yang di-Pertua, adalah diharapkan kepada pihak Kementerian Pertanian membuat kajian dan mengambil langkah supaya

sawah-sawah yang lebih daripada 1,000 ekar itu dapat diusahakan dengan sempurna samada boleh diteruskan lagi dengan tanaman padi atau dengan apa-apa juga tanaman lain yang boleh menampung kehidupan petani-petani yang bergantung hidup kepada tanah sawah mereka yang telah kekeringan itu.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh soal pertanian lagi saya hendak menyebut sedikit masalah-masalah yang masih berlaku di dalam kalangan masyarakat tani kita. Kita masih terbaca dalam akhbar-akhbar bahawa pergaduhan, perselisihan masih berlaku dalam masyarakat tani bermula dengan punca-punca yang kecil yang membawa mereka ke mahkamah sedangkan perkara itu tidak patut berlaku lagi sepertimana perbalahan dan pergaduhan yang berpunca daripada perebutan memasukkan air ke sawah-sawah. Perbalahan antara petani-petani dengan penternak yang sama-sama digalakkan oleh Kerajaan, permusnahan ikan-ikan di tasik-tasik atau di sungai-sungai dengan menggunakan racun atau tuba, kerosakan padi yang berpunca daripada menanam padi tidak serentak dan berbagai-bagai lagi masalah-masalah masyarakat tani, masalah-masalah yang telah mereka alami walaupun 21 tahun kita merdeka. Ada cadangan yang mengatakan bagi menyelesaikan masalah-masalah itu Kerajaan patut mengadakan undang-undang bagi menghukum mereka yang bersalah dalam hal pertanian ini. Pada pendapat saya hukuman sahaja tidak dapat menyelesaikan sama sekali masalah-masalah itu selagi masyarakat tani kita sendiri tidak ada kesedaran bagi mengadakan satu kumpulan yang harmoni yang timbul dari perasaan sadar dan insaf.

Tuan Yang di-Pertua, jika Kerajaan kita telah mengadakan Sekim Rukun Tetangga bagi membentuk masyarakat bandar dan bandar-bandar kecil yang bertanggungjawab terhadap masyarakatnya, saya mengesyorkan apakah tidak sesuai jika diadakan pula Sekim Rukun Pertanian di negeri kita ini dengan tujuan untuk membentuk masyarakat petani yang harmoni dan bertanggungjawab terhadap masyarakat tani sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyentuh sedikit berhubung dengan penghijrahan belia-belua dan penduduk-penduduk kampung ke bandar-bandar. Saya tidak hendak menyentuh tentang masalah-masalah

yang telah dan akan timbul di bandar-bandar akibat penghijrahan itu. Akan tetapi masalah-masalah jangka pendek dan panjang yang timbul dan yang telah timbul di kampung-kampung akibat daripada penghijrahan itu. Tidak siapa dapat menafikan bahawa Kerajaan telah banyak mencurahkan wang, tenaga dan sebagainya bagi memajukan masyarakat luar bandar dengan berbagai-bagai bantuan. Antara bantuan yang paling berkesan sekali ialah untuk meningkatkan taraf hidup pekebun-pekebun kecil getah. Satu daripadanya ialah menggalakkan pekebun-pekebun kecil getah menanam semula dengan baka-baka getah yang mengeluarkan susu yang banyak. Kerajaan telah menaikkan bantuan-bantuan menanam semula beberapa kali sehingga sekarang kepada \$1,200 seekar. Ini akan menambahkan lagi semangat pekebun-pekebun kecil getah menanam semula getah-getah mereka. Adalah dijangka dalam jangka masa tujuh tahun yang akan datang sebahagian besar kebun-kebun getah telah ditanam semula dengan getah-getah yang mengeluarkan susu yang banyak. Dengan keadaan harga getah seperti hari ini, pada pandangan saya keadaan kehidupan penoreh-penoreh getah adalah di dalam keadaan yang mewah jika dibandingkan dengan setengah-setengah pekerjaan di bandar-bandar.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, sekarang telah timbul masalah dan dalam jangka masa yang akan datang masalah ini akan bertambah hebat lagi. Masalah itu ialah kebun-kebun getah yang tidak dapat ditoreh oleh kekurangan dan mungkin ketiadaan penoreh-penoreh di kampung-kampung lagi akibat daripada penghijrahan belia-belua mencari pekerjaan di bandar-bandar. Sebelum penyakit ini merebak begitu berat lagi, adalah diharapkan kepada Kerajaan terutama sekali Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan juga Kementerian-kementerian yang lain membuat suatu kajian bagi mengatasi masalah ini sementara boleh dibaikki lagi sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyentuh pula berhubung dengan perlaksanaan projek-projek di luar bandar. Tiada siapa yang dapat menafikan bahawa Kerajaan telah berusaha bersungguh-sungguh

dengan membelanjakan wang yang banyak, akan tetapi rakyat di luar bandar masih belum lagi puas hati dengan projek-projek yang telah dan akan dilaksanakan di luar bandar itu. Dalam hal ini saya hendak memberi sedikit pandangan mengapa projek-projek yang telah dirancang itu tidak dapat dilaksanakan atau lambat dilaksanakan mengikut jadual dan perbelanjaan yang telah diluluskan pada mulanya.

Yang pertama, ialah kekurangan jurutera dan juruteknik di daerah-daerah. Sebagai contoh bagi daerah Kuala Kangsar dan Ulu Perak yang mengandungi empat kawasan Pilihanraya Parlimen, Sungai Siput, Kuala Kangsar, Padang Rengas dan Gerik, yang mempunyai hanya seorang Jurutera Kerja Kanan, seorang Jurutera Kerja dan dibantu oleh beberapa orang juruteknik J.K.R. sahaja yang terpaksa menyusun, melaksana dan mengawaskan berbagai-bagai projek jalanraya, perbekalan air dan bangunan-bangunan dan mereka ini juga dibebankan dengan kerja-kerja untuk menghadiri mesyuarat-mesyuarat dan taklimat-taklimat yang diadakan berpuluh-puluh kali dalam sebulan. Bagi mengatasi masalah ini jikalau benar negara kita sekarang ini kekurangan jurutera dan juruteknik, apalah salahnya jika Kerajaan mengatasi masalah ini sebagaimana Kerajaan telah berjaya mengatasi masalah kekurangan doktor pada suatu masa dahulu dengan membawa jurutera dan juruteknik dengan cara kontrek jangka pendek dari negara-negara jiran kita.

Yang kedua, Pegawai-pegawai Daerah dan Penolong-penolong Pegawai Daerah Kecil yang menjadi ketua daerah itu yang bertanggungjawab di dalam semua projek-projek pembangunan samada urusan pengambilan tanah, kewangan dan sebagainya adalah menerima bebanan kerja yang berat, selain daripada tugas-tugasnya seperti menjadi pengurusan berbagai-bagai jawatankuasa kecil di daerah, menghadiri mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa-jawatankuasa Peringkat Negeri dan menghadiri taklimat-taklimat. Bagi membolehkan Pegawai-pegawai Daerah dan Penolong-penolong Pegawai Daerah Kecil ini menumpukan kepada tugasnya, adalah diharapkan tidaklah payah lagi mereka ini mempengerusikan atau menghadiri mesyuarat-mesyuarat yang tidak mengenai secara langsung dengan tugas mereka seperti mempengerusikan Jawatankuasa Perayaan

Maulud Nabi, Musabqah Al-Quran, Jawatankuasa Bertindak Wabak Taun, Jawatankuasa Sukan dan sebagainya lagi.

Yang ketiga, oleh kerana perbekalan letrik yang meliputi sebahagian daripada negeri Perak adalah di bawah kelolaan Syarikat Tenaga Haidro Sungai Perak dan Syarikat Pengeluaran Letrik Kinta (KED) yang lebih mementingkan keuntungan daripada keperluan rakyat, suatu projek yang telah diluluskan itu amat lambat dilaksanakan. Misalnya apa yang telah diketahui projek-projek letrik yang telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Kedua dahulu di negeri Perak hanya akan selesai dilaksanakan pada akhir tahun 1979 dan projek-projek yang telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Ketiga akan mula dilaksanakan pada tahun 1980. Bagi mengatasi masalah ini jika boleh adalah diharapkan supaya Kerajaan kita mengambilalih sepenuhnya kedua-dua syarikat ini.

Tuan Yang di-Pertua, yang keempat, dalam perkara yang pertama tadi saya telah mengatakan kelambatan perlaksanaan sesuatu projek adalah kerana kekurangan pegawai-pegawai. Di sini pula saya hendak menyebut pula kekurangan penggunaan tenaga kakitangan Kerajaan kita di peringkat rendah, ada Jabatan-jabatan Kerajaan yang mempunyai cukup kakitangannya akan tetapi cara penggunaan tenaga itu banyak membazir. Ada kakitangan Kerajaan menggunakan hanya sedikit masa sahaja untuk menyelesaikan sesuatu masalah dalam sehari dan masalah kerja-kerja itu yang terpaksa disambungkan pula kerja itu pada hari-hari yang lain. Kadang-kala sesuatu kerja itu sepatutnya diselesaikan dalam suatu hari terpaksa memakan masa berbulan-bulan bagi menyelesaikannya. Satu kerja itu boleh diselesaikan dalam sehari jika dilaksanakan dengan cara serentak oleh semua kakitangan Kerajaan dari semua Jabatan yang terlibat dengan tidak payah meminta laporan dari satu Jabatan ke satu Jabatan yang lain. Saya percaya dan berharap cara bekerja menyelesaikan masalah-masalah rakyat ini dengan cara rakyat menyusul dari satu Jabatan ke satu Jabatan di dalam suatu masalah hendaklah dihentikan.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah sahaja dan saya menyokong usul ini.

4.10 ptg.

Wan Zainab binti M. A. Bakar (Sungai Petani): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bersama-sama Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain dan turut menyokong Anggaran Belanjawan bagi tahun 1979 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan. Pada pendapat saya inilah suatu Belanjawan yang sangat adil berpatutan dan tidak memberi apa-apa kesulitan kepada rakyat yang miskin dan yang berpendapatan rendah. Saya mengambil peluang mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan serta pegawai-pegawai di Kementerianannya kerana begitu bijak menyediakan Anggaran Belanjawan, 1979 ini.

Tuan Yang di-Pertua, boleh dikatakan tak ada cukai yang dinaikkan tetapi banyak yang diturunkan. Saya rasa Belanjawan yang diturunkan itu tidaklah jadi masalah kerana peruntukan ini ialah bertujuan mengekalkan pertumbuhan ekonomi, meningkatkan agihan pendapatan dan mengawal inflasi. Hanya rakyat berharap wang yang berjumlah sebegini besar akan dibelanjakan dengan berhati-hati dengan perasaan tanggungjawab dan berfaedah supaya pengagihan dapat dinikmati oleh semua pihak terutama yang tinggal di kawasan luar bandar yang mana belum lengkap lagi dengan kemudahan asas seperti jalanraya, air paip, bekalan letrik dan lain-lain lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga berterima kasih kerana turunya cukai impot sebanyak 50% kepada buah-buahan, kerana buah-buahan ini bukannya makanan orang-orang yang berada tetapi sebilangan besar orang-orang yang berpendapatan rendah dan kanak-kanak. Jikalau tidak, di masa-masa yang lampau, penjual buah-buahan ini mengambil kesempatan menjual dengan harga yang begitu mahal.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi ialah air wangi, alat-alat solek. Bila disebut sahaja alat-alat solek diturunkan cukai dari 60% kepada 45% iaitu 15% kurang dari tahun 1974 dahulu, (pada 20hb yang lalu) ketika Yang Berhormat Menteri Kewangan mencadangkan Belanjawan, saya nampak banyak orang lelaki senyum seolah-olah wanita sahaja yang memakai alat-alat solek ini. Walhal kalau hendak tahu, lelaki juga memakai alat-alat solek ini. Ada lelaki pakai

air wangi, pakai powder, pakai cream muka, shampoo dan sebagainya. Ini semua alat-alat solek juga, janganlah mengata dulang paku serpih, mengata orang, kita yang lebih.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab kesannya banyak daripada penurunan cukai air wangi dan alat-alat solek untuk ketenteraman rumahtangga, bolehkah saya buat pantun sedikit?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Boleh.

Wan Zainab binti M. A. Bakar:

Berbunyi gendang terus menyanyi,
Sudah menyanyi terus menari,
Kalau si isteri bersolek dan pakai wangi
Siapa seronok, bukankah si suami?

Bila pulang dari pejabat
Minum teh serta agar-agar
Bila si wangi comel datang dekat
Badan yang letih menjadi segar.

Yang Berhormat Menteri Kewangan pun dapat pahala.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa bimbang sungguhpun Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan telah mengisytiharkan turunya cukai buah-buahan, alat-alat solek, peti TV kepada had peratusnya, boleh jadi pekedai-pekedai enggan menurunkan harga jualan dengan memberi berbagai alasan. Ada pekedai mengatakan dia beli barang-barang itu semasa cukainya tinggi dahulu, tak dapatlah diturunkan harga dan berbagai alasan lagi diberikan. Mengikut akhbar *New Straits Times* hari ini, di muka hadapan ditulis: "Old stocks must go first; lower prices: You'll just have to wait."

Tuan Yang di-Pertua, semasa tahun 1974 sebelum cukai naik, barang-barang disembunyikan, selepas cukai naik, harga barang-barang melambung tinggi. Jadi penjual-penjual tak peduli setok baru atau setok lama. Sekarang ini bila cukai diturunkan, dia kata terpaksa dihabiskan yang lama, kalau tidak, penjual akan rugi. Maksudnya penjual tak boleh rugi, tetapi pengguna rugi tak mengapa. Beginilah caranya urusaniaga di Malaysia ini.

Tuan Yang di-Pertua, apakah patut kita buat dengan mereka? Janganlah biarkan perkara ini bermaharajalela, tambah lagi Enforcement Officers yang sungguh-sungguh boleh buat kerja, jangan hanya pergi tengok

sahaja. Saya rasa perkara ini penting, kalau tidak matlamat menurunkan cukai ini tidak bermakna.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut dalam Belanjawan 1979 ini sebanyak \$599 juta adalah diperuntukkan melalui berbagai agensi seperti UDA, MARA dan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri-negeri bagi mengambil bahagian membantu rakyat berniaga, membuat binaan dan latihan kemahiran.

Tuan Yang di-Pertua, menarik perhatian perjalanan UDA, pada pendapat saya untuk menempatkan bumiputra berniaga di dalam bandar-bandar terutama sekali di bandar besar seperti Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Ipoh dan Melaka dan lain-lain adalah diharapkan pihak UDA bukan sahaja membeli tempat-tempat kosong yang sesuai untuk peniaga-peniaga kecil bumiputra berniaga, sepatutnya pihak UDA mestilah mengkaji terlebih dahulu kedudukan yang sesuai untuk peniaga-peniaga kecil itu supaya apabila mereka itu ditempatkan di tempat-tempat yang sesuai, perniagaan mereka akan berjalan dengan licin dan sudah tentu memberi penghasilan yang baik. Kita semua tahu bahawa perniagaan pada keseluruhannya tidaklah begitu laris kerana banyak terdapat kompleks-kompleks perniagaan timbul di sana sini. Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi menegaskan pihak yang berkenaan diminta mengambil ingatan dan memberikan priority yang pertama untuk menempatkan bumiputra berniaga mestilah di tempat-tempat yang sesuai sekali dalam "location of business". Contohnya seperti mana yang saya lihat di mana-mana bandar sekalipun pihak yang berkenaan mestilah cari tempat yang ramai orang di keliling bandar itu dan selalu bertumpu membeli belah seperti di Jalan Chow Kit dan di Jalan Tuanku Abdul Rahman. Di sini cuba kita lihat boleh dikatakan 80% pembeli-pembeli ialah dari kaum bumiputra sendiri tetapi orang-orang yang menjadi penjual atau peniaga ialah 90% bukan kaum bumiputra. Bukankah tempat-tempat yang begini baik sekali untuk bumiputra berniaga?

Tuan Yang di-Pertua, untuk penyertaan bumiputra berniaga di bandar, memberikan tempat sahaja tidaklah cukup, kerana kebanyakan bumiputra tidak mempunyai pengalaman, modal, supply susah hendak dapat, kerana barang-barang itu adalah di tangan bukan bumiputra; harga supply selalu

berbeza antara bumiputra dan bukan bumiputra. Di sini sahaja peniaga-peniaga kecil bumiputra sudah tertindas.

Tuan Yang di-Pertua, selepas memberi supply kali pertama, peniaga kecil bumiputra tadi belum lagi mengetahui mana barang-barang yang bagus, laris dijual dan apabila mereka itu sudah pandai sedikit dan mengetahui barang-barang yang baik, bagaimana benda-benda yang patut dan disukai ramai, tetapi apabila hendak pergi beli barang-barang itu kepada orang-orang bukan bumiputra tadi, pekedai tadi mulalah mengatakan tak ada barang itu lagi. Dia kata, "Kalau hendak, datang dua minggu lagi". Bila pergi selepas dua minggu, dia kata pula, "sudah habis, tak ada lagi barang". Keluar barang-barang baru yang lain. Harga dinaikkan pula. Jadi selalu beginilah bumiputra tadi terperangkap.

Tuan Yang di-Pertua, modal bagi peniaga kecil biasanya dikumpulkan beberapa tahun dengan modal inilah mereka mula berniaga. Kerana mereka ini tidak ada pengalaman, di mana hendak mencari modal pusingan. Di bank atau ajensi-ajensi Kerajaan tidak pernah mendapat layanan yang sesuai kerana banyak sangat syarat-syarat yang susah bagi peniaga-peniaga kecil ini. Borang-borang terlampau panjang, siapa yang tahu hendak buat working paper, siapa berani memberi jaminan atau menjadi guarantor kepada peniaga-peniaga kecil ini, kerana kebanyakan mereka ini tidak ada langsung benda-benda yang hendak dijadikan cagaran. Tidakkah boleh ajensi-ajensi Kerajaan menolong mereka yang benar-benar berniaga supaya mengatasi kedudukan ini. Sepatutnya ajensi-ajensi Kerajaan yang berjiwa rakyat mengambil berat, turun sendiri membuat penyiasatan dan memberi bantuan serta bimbingan dari masa ke semasa on the spot, bukan hendak harap peniaga-peniaga kecil itu datang ke pejabat, kalau kita hendak tengok bumiputra ini maju!

Tuan Yang di-Pertua, pertambahan modal pusingan, mencari jalan bagaimana peniaga-peniaga ini boleh mendapat supply dengan mudah supaya mereka tidak tertindas. Bila bumiputra ini pergi membeli barang dikehendaki membayar cash. Saya ada dengar satu cerita: seorang kontrekter kecil telah mendapat tender untuk membuat rumah di dalam jangka masa yang ditetapkan. Apabila dia hendak membeli simen, pihak

pekedai mengatakan tidak ada simen, padahal di dalam kedai itu ada beberapa beg simen. Katanya, "sudah dibeli oleh orang lain, jika awak mahu boleh, tetapi bayar 50 sen lebih satu beg". Oleh kerana kontrektor tadi tidak ada tempat lain hendak beli maka dibayar lebih 50 sen dan terus diambil beberapa beg simen tadi. Lepas itu dia datang pula pada hari kedua atau hari ketiga, langsung tidak ada lagi simen dalam kedai tadi. Bila ditanya pekedai: Adakah simen? dia kata, "Tidak ada, tetapi kalau awak mahu boleh, sekejap lagi saya hantarkan, tetapi satu beg lebih \$2". Mahu tidak mahu kontrektor bumiputra tadi terpaksa membeli simen yang lebih \$2 satu beg daripada harga yang ditetapkan. Beginilah nasib kontrektor bumiputra. Pada pendapat saya sudah wajar pihak PERNAS mengadakan barang-barang binaan ini supaya kontrektor bumiputra tidak begitu terpedaya.

Tuan Yang di-Pertua, sebanyak \$2,411 juta adalah disediakan bagi Pelajaran. Saya sukaiah menarik perhatian Kementerian Pelajaran apakah nasib malang kepada dua buah Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil di kawasan saya iaitu di Sungai Ddirasen dan Ladang Lubuk Sekanta. Kalau tidak salah saya beberapa kali di dalam Dewan yang mulia ini saya telah merayu, meminta kepada Yang Berhormat Menteri Pelajaran supaya mengambil perhatian kepada dua buah sekolah ini. Kanak-kanak di situ atau sebilangan murid-muridnya masih belajar di dalam kuil. Begitu juga kepada Sekolah Rendah Kebangsaan Pinang Tunggal, tanahnya pun ada, minta tambahan sampai sekarang masih belum mendapat perhatian. Saya juga berharap agar kerusi bangku dan meja kepada murid-murid diganti dengan meja dan kerusi yang baru kepada Sekolah Kebangsaan Ladang K.M.S. yang sangat buruk dan rosak. Ada juga sekolah yang tidak mempunyai bekalan air minum seperti Sekolah Kebangsaan Rantau Panjang dan juga tidak ada tandas bagi Sekolah Jenis Kebangsaan di Kota Kuala Muda. Saya harap sekolah-sekolah yang nama-namanya saya sebutkan di sini diambil perhatian dan juga catitan oleh Pegawai-pegawai dari Kementerian Pelajaran.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai kesihatan pula, sebanyak \$775 juta diperuntukkan bagi perkara ini. Saya ucapkan tahniah di atas peruntukan ini kerana kesihatan adalah kekayaan. Apabila seorang itu sihat dia dapat

belajar, dapat bekerja dengan penuh minat, dedikasi dan sabar. Tetapi saya sungguh rasa dukacita di atas kedudukan hospital di kawasan saya di Sungai Petani iaitu Hospital Daerah Sungai Petani. Kementerian Kesihatan telah berjanji akan membina sebuah hospital empat tingkat menggantikan hospital lama itu, tetapi sampai sekarang masih yang lama itu juga. Bila agaknya Yang Berhormat Menteri yang berkenaan akan membina hospital baru itu. Bukan orang Sungai Petani sahaja yang menggunakan hospital itu, bahkan orang-orang dari Baling, Sik dan Yan. Kalau tidak percaya, cuba Tuan Yang di-Pertua tanya Ahli-ahli Yang Berhormat dari kawasan di situ iaitu dari Ulu Muda, Baling, mereka pun tahu banyak orang-orang daripada kawasan mereka menggunakan hospital Sungai Petani. Jadi saya rasa patut sangat dinaikkan taraf hospital itu dan dibuat bangunan baru menggantikan bangunan lama.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara, sudahlah hospital lama, tak cukup pula katil-katil, kain-kain dan juga tilam untuk pesakit, kadang-kadang pesakit terpaksa tidur atas simen, atas papan. Saya harap berilah prioriti kepada hospital di Sungai Petani ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan telah berkata petipeti radio dan talivisyen adalah merupakan media perhubungan yang popular dan patut dimiliki lebih luas lagi oleh penduduk-penduduk kerana turunnya cukai impot TV. Tetapi apakah ertinya ini kepada penduduk-penduduk luar bandar di kawasan yang belum menikmati bekalan api letrik. Oleh itu saya sangat-sangat berharap kepada Yang Berhormat Menteri Tenaga, Talikom dan Pos mempercepatkan bekalan ini ke kampung-kampung dengan membekalkan bahan-bahan dan kakitangan-kakitangan yang cukup supaya mereka ini dapat bersama-sama dengan orang-orang yang sudah lama menikmati petipeti talivisyen ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya datang dari kawasan padi dan nelayan maka dengan itu terpaksa saya meminta supaya peruntukan untuk memodenkan pertanian dan juga perikanan sudah wajar diberi perhatian. Banyakkan subsidi kepada petani-petani seperti baja, racun serangga, benih-benih dan

juga taliair-taliair supaya dapat sawah-sawah yang dahulu sekali setahun dapat dibuat dua kali. Begitu juga subsidi kepada nelayan-nelayan serta alat-alat tangkapan ikan yang moden.

Tuan Yang di-Pertua, beralih saya kepada perumahan. Saya sungguh bersetuju supaya banyak lagi rumah-rumah murah dan rumah kos rendah dibina. Saya rasa sudah sampai masanya pihak Kerajaan atau SEDC membeli peruntukan yang dihadkan kepada bumiputra sebanyak 30% itu dijual balik kepada mereka dengan faedah yang agak rendah, barulah bumiputra yang berpendapatan rendah ini dapat membeli rumah kos rendah ini. Kata sahaja kos rendah tetapi harganya lebih \$30,000. Manalah bumiputra yang bergaji kecil mampu? Semuanya atas gaji itu. Saya juga berharap Yang Berhormat Menteri tolong tanya khabar kepada Rancangan Rumah Murah Sungai Layar, Sungai Petani.

Setahu saya rumah kayu sampai sekarang belum siap, sepatutnya siap tetapi bila angin kuat suatu masa dahulu sudah roboh. Borang sudah lama dipungut balik tetapi temuduga belum dipanggil. Saya pohonlah jasa baik Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan supaya dapat melawat ke Sungai Petani.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh pula kepada Majlis Daerah Kerajaan Tempatan di tempat saya kerana M.D.K.T. di sana suka sangat dan kerap sangat merobohkan stal-stal perniaga. Kita selalu dengar apabila pegawai-pegawai, pemimpin-pemimpin kita bercakap, selalu memberi semangat, jangan berpelok tubuh, jangan selalu meminta mendesak, cuba berdiri di atas kaki sendiri—berdikari. Jadi bila selalu dikatakan begini, naiklah semangat orang semua. Bila dibuka satu kawasan perindustrian atau kilang dibangunkan di situ seperti di Bakar Arang, Sungai Petani orang-orang kita yang ada sedikit modal buat stal, jual kopi, kueh, sebab banyak pekerja-pekerja makan sebelum dan selepas masuk bekerja. Bagi pendapat saya biarlah hamba Allah ini berniaga secara kecilan-kecilan, tetapi apa sudah jadi, Tuan Yang di-Pertua, mulai sahaja perniagaan seminggu dua minggu, datanglah pihak M.D.K.T. merobohkan stal itu. Mereka bukan ganggu jalan dan bukan tanah orang—dalam kebun getah. Kadang-kadang saya pun tidak faham, kalau hendak minta satu-satu lesen stal, satu tahun tidak dapat, mesyuarat demi mesyuarat

tetapi lesen tidak diluluskan. Saya rasa perkara ini patut diambil perhatian. Saya tengok di Jalan Tuanku Abdul Rahman sampai penuh di tepi jalan—kain baju, buah durian, apa mahu semuanya ada, tetapi di tempat saya lori hendak punggah barang pun tidak boleh, kadang-kadang pening kepala kita. Biarlah dia berjual, berniaga cari makan daripada menjadi perompak dan penyamun. Bagi saya kalaulah seseorang itu dapat berjual, berniaga dalam tempat yang tidak diganggu oleh traffic, biarlah mereka berniaga.

Satu perkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, ada rumah-rumah yang jauh terlindung dari pekan-pekan itu, kalau boleh, tak usahalah tengok-tengok sangat—biarkanlah, ini asyik ikut pergi roboh. Kata pepatah, Tungau di seberang laut nampak, gajah di hadapan mata tidak nampak. Ini tidak adil. Kalaulah ada sebab-sebab tertentu sarang penagih dadah—patutlah, ini rumah orang miskin yang tidak dapat rumah murah, tidak mampu beli rumah—peniaga-peniaga kecil yang kumpul wang sedikit, kadang-kadang kawan tolong, jadi hendak meminjam MARA pun tidak dapat, cagaran tidak ada, orang yang menjadi penjamin pun tidak sanggup, inilah kadang-kadang patut pegawai-pegawai yang berkenaan macam saya katakan tadi pergilah on the spot pegawai-pegawai kita ini sangat mustahak. Janganlah pakai harap report daripada orang-orang bawahan sahaja. Hentam sahaja, dia kata roboh-roboh; denda-denda. Ini tidak patut. Jadi, jangan duduk dalam bilik-bilik sejuk sahaja, eloklah kita jalan-jalan tengok apa-apa terjadi di kawasan-kawasan ataupun daerah yang kita kawal. Saya harap perkara ini patut diambil perhatian dan benda-benda yang semacam ini patutlah diberi bantuan tempat, kereta sorong ataupun gerai-gerai di kawasan-kawasan industri.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh berkenaan dengan pengurangan cukai jalan dan tempat duduk bagi perkhidmatan bas. Sukalah saya menarik perhatian syarikat-syarikat bas supaya betul-betul faham tentang tujuan Kerajaan yang sebenar-benarnya. Jadi, patutlah syarikat-syarikat bas ini menambahkan lagi bas-bas bagi memenuhi permintaan orang ramai dan murid-murid sekolah. Sebagai contohnya, kita tahu dan kita lihat, kita nampak di dalam sebuah bas berdirikah, dudukah kena bayar tambang, yang duduk pun kena bayar 20 sen, yang berdiri juga bayar 20 sen. Apa yang saya hendak tegaskan

di sini ialah tempat duduk tidak cukup, maksudnya bas patut ditambah. Kerajaan ataupun Menteri yang berkenaan patutlah memberi amaran kepada syarikat-syarikat ini, sudah kita turunkan cukai jalan, turun cukai tempat duduk, kalau bas masih buruk, bas masih kurang, ambil tindakan.

Setakat inilah sahaja dan akhirnya saya menyokong Belanjawan yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan.

4.35 ptg.

Dr Chen Man Hin (Seremban): Tuan Yang di-Pertua, sekali pandang, Belanjawan 1979 merupakan satu Belanjawan penuh dengan "largesse"-nya, penuh dengan hadiah-hadiah untuk semua orang. Ketika mengumumkan Belanjawan, Menteri Kewangan pasti telah merasa dirinya sebagai seorang "Santa Claus" moden. Jika kita perhatikan Belanjawan tahun 1978 dengan lebih teliti, kita akan dapati bahawa hadiah-hadiah ini bukanlah sebenarnya hadiah-hadiah tetapi sebaliknya cuma merupakan pengurangan dalam kadar cukai-cukai yang ujud sekarang. Kadar cukai yang tinggi ini telah dikenakan dahulu dan untuk mengurangkan kadar tersebut sekarang dan mengatakan bahawa Belanjawan ini adalah Belanjawan manis adalah tidak tepat sama sekali. Bagi orang ramai pula, mereka merasa lega kerana tiadanya cukai-cukai baru ataupun penambahan dalam cukai-cukai yang ujud sekarang. Kita sepatutnya berterima kasih kerana negara kita mempunyai sumber-sumber semula jadi yang banyak dan juga harga komoditi-komoditi kita adalah juga tinggi dan inilah sebabnya cukai-cukai baru tidak dikenakan dalam Belanjawan ini.

Para pembayar cukai pada kesuluruhannya merasa keciwa kerana pelepasan cukai bagi suami dan isteri tidak ditambahkan. Pembayar-pembayar cukai yang berpendapatan rendah telah berharap akan terdapat tambahan dalam pelepasan cukai kepada individu-individu di mana pelepasan cukai tidak ditambahkan kian lama semenjak 1947. Buat masa ini pelepasan cukai untuk seorang ialah \$2,000 dan jika mereka telah berumah-tangga, pelepasan cukai untuk isteri ialah sebanyak \$1,000. Jika kita menggunakan index harga pengguna sebagai kayu ukuran, kita akan dapati bahawa index harga pengguna telah meningkat dari 100 pada tahun

1967 kepada 163 pada tahun ini dan ini bermakna pelepasan cukai kepada individu-individu (suami dan isteri) hendaklah menambahkan lebih kurang \$2,000 iaitu dari \$3,000 sekarang ke \$5,000. Kenaikan pelepasan cukai kepada individu-individu sebanyak \$2,000 ini tidak akan bermakna kepada seorang kaya tetapi ia akan mempunyai makna yang banyak kepada seorang yang berpendapatan rendah yang mempunyai satu keluarga yang besar.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana perumahan kos rendah adalah sangat mustahak, maka adalah wajar jika terdapat kekurangan dalam cukai yang dikenakan dalam sektor pembinaan. Cukai ke atas bahan-bahan pembinaan tak kira samada bahan-bahan tersebut dibuat di sini atau di luar negeri sepatutnya dikurangkan supaya dapat menentukan bahawa harga rumah-rumah tidak akan melambung tinggi. Cukai-cukai ke atas simen dan besi (steel) umpamanya sepatutnya dikaji dan dikurangkan.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat satu keperluan untuk mengadakan pengawalan rapi dalam harga-harga supaya menentukan pengurangan dalam cukai-cukai dinikmati oleh pengguna-pengguna. Janganlah kita hadapi satu keadaan di mana harga barang-barang masih tinggi sungguhpun terdapat kekurangan dalam cukai di mana alasan-alasan seperti kos kerja tinggi, bayaran "maintenance" yang tinggi dan kos pengeluaran tinggi akan diberikan untuk menguatkan argument mengapa harga barang-barang masih tinggi. Pengawalan yang cekap hendaklah diadakan untuk menentukan bahawa para pengguna membayar harga yang rendah untuk barang-barang tertentu untuk mana pengurangan cukai telahpun diberikan.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan inflasi. Inflasi masih merupakan satu bahaya dan soal yang ditanya-tanyakan sekarang ialah samada Belanjawan ini dengan langkah-langkah fiskalnya akan dapat mengawal inflasi. Orang ramai bimbang dengan kemerosotan nilai pendapatan dan simpanan mereka. Kadar inflasi secara rasmi ialah lebih kurang 5% tahun ini tetapi seorang suri rumah mendapati bahawa setiap kali beliau pergi ke pasar atau pergi untuk beli-belah nilai pembelian wangnya telah merosot lebih, bukan 5% tetapi lebih. Jika kita perhatikan bagaimana harga barang-barang naik, seorang

pekerja akan terpaksa mendapatkan pendapatan dua kali ganda dalam masa sepuluh atau dua belas tahun akan datang semata-mata untuk hidup dengan kadar kehidupan yang wujud sekarang. Bagi seorang ayah yang muda ini nyata akan menakutkannya kerana beliau pasti mencuba mendapatkan pendapatan yang lebih supaya dapat menampung dan menanggung keperluan anak-anaknya termasuk keperluan pelajaran anak-anak itu.

Tuan Yang di-Pertua, deficit Belanjawan sekali lagi. Untuk menguatkan ekonomi, Menteri Kewangan kita telah mengambil jalan yang paling mudah iaitu dengan mengadakan satu Belanjawan "deficit". Beliau berkata: "kita berazam terus hendak menimba dari tabungan negara dan meminjam lagi, kalau perlu, supaya dapat kita meningkatkan usaha-usaha pembangunan kita, demi kepentingan rakyat".

Selanjutnya beliau menganggap "mereka yang menentang peminjaman adalah disifatkan sebagai sengaja menentang kemajuan dan Dasar Ekonomi Baru". Kita semua sedar dan insaf bahawa peminjaman adalah perlu untuk pembangunan kecuali peminjaman tersebut adalah di dalam lingkungan yang munasabah. Tetapi adalah sangat merbahaya untuk bergantung semata-mata atas peminjaman dan juga atas satu belanjawan yang "deficit" yang akan mengakibatkan "runaway inflation" dan mengancam ekonomi dan kestabilan negara. Saya beri sedikit angka: Tahun 1976 deficit ialah \$2,006 juta; 1977—\$2,776 juta; tahun 1978—\$3,480 juta; tahun akan datang (1979) deficit ialah \$4,521 juta.

Satu contoh di mana "excessive priming of the economy" berlaku sepertimana disebutkan oleh Lord Keynes ialah Amerika Syarikat, yang sekarang sedang mengalami inflasi, pengangguran yang tinggi dan juga nilai matawangnya sedang merosot. Kerajaan demi Kerajaan di bawah pimpinan berbagai pemimpin telah menguruskan ekonomi negara tersebut dengan mengadakan deficit Belanjawan yang tinggi dan hari ini tidak ada apa-apa yang boleh dibuat untuk mengatasi masalah inflasi dan kemerosotan nilai wang negara tersebut. Saya ingin menasihatkan Kerajaan Barisan supaya mengambil ingatan tentang apa yang berlaku di negara-negara lain dan mengelakkan perangkap (trap) "runaway inflation". Dan dalam pada ini

pesanannya adalah mudah: Elakkan Belanjawan deficit khasnya Belanjawan di mana deficitnya adalah terlalu tinggi sepertimana dilihat oleh kita hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, akibat Belanjawan-belanjawan deficit yang dibentangkan tahun demi tahun, hutang negara telah meningkat kepada \$17,957 juta dalam tahun ini. 22% dari amount ini adalah pinjaman dari luar negeri dan sungguhpun baki 78% yang lain itu dipinjam dari sumber-sumber tempatan yakni dari rakyat terdapat kebimbangan bahawa hutang awam kita adalah terlalu tinggi dan Kerajaan sedang mencetak lebih banyak wang sebagai jalan untuk mengatasi masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, tentang pelaburan swasta yang rendah atau lembab. Dasar-dasar yang short-sighted dan salah telah mengakibatkan Belanjawan-belanjawan yang deficit ini. Jika dasar-dasar yang wajar telah diadakan wang untuk pembangunan boleh didapati dari sumber-sumber swasta tetapi Akta Penyelarasan Perusahaan telah menakutkan bakal pelabur-pelabur tempatan dan asing.

Adalah dikatakan pertumbuhan pelaburan sektor swasta untuk tahun lalu ialah 78% dan begitu juga untuk tahun ini dan kedua-dua angka ini adalah kurang dari angka 10% yang diduga di bawah Rancangan Malaysia Ketiga. Mungkin terdapat "cooking of figures" di sini. Umpamanya, pelaburan dalam pencarian minyak dan aktiviti-aktiviti berkaitan dengannya telah ditafsirkan sebagai pelaburan swasta. Kedua, pelaburan di dalam Badan-badan Berkanun atau badan-badan yang dikawal oleh Kerajaan telah juga ditafsirkan sebagai pelaburan di dalam sektor swasta, sungguhpun wang ini dapat daripada Kerajaan. Adalah dianggarkan sekarang bahawa Perbadanan-perbadanan Kerajaan ini mengeluarkan lebih dari 1/3 Keluaran Kasar Negara.

Jika kedua-dua perkara ini diasingkan, pelaburan dari pihak swasta hanya berupa lebih-lebih 4%. Akta Penyelarasan Perusahaan hendaklah dimansuhkan supaya dapat memulihkan keyakinan para pelabur. Juga perhatian yang lebih hendaklah diberikan untuk mewujudkan galakan-galakan pelaburan yang lebih sepertimana diumumkan di dalam ucapan Belanjawan.

Tuan Yang di-Pertua, pembaziran wang awam juga merupakan salah satu sebab yang mengakibatkan Belanjawan deficit. Berjuta-juta ringgit telah diberi kepada Perbadanan-perbadanan Kemajuan Negeri tetapi kita tidak nampak hasilnya. Gula Perak telah membazirkan begitu banyak wang. Wang sebanyak \$100 juta dilaburkan di dalam Gula N.S. ada sekarang dalam keadaan yang membimbangkan. Wang yang diberikan kepada Bank Rakyat telah disalahgunakan secara terang-terang. Bank Rakyat dikatakan telah mengalami kerugian sebanyak \$67 juta. Badan-badan inilah yang kita ketahui berada dalam keadaan yang menyulitkan. Kita tidak tahu tentang badan-badan yang lain dan jumlah wang dibazirkan.

Satu Jawatankuasa yang dianggotai oleh pakar-pakar hendaklah evaluate badan-badan yang dikawal oleh Kerajaan dan memberikan satu lapuran kepada Parlimen tentang "prospects" badan-badan berkanun. Kita tidak boleh membenarkan satu keadaan di mana wang awam dibazirkan secara berterusan.

Tuan Yang di-Pertua, tentang pelajaran sebagai satu alat untuk perpaduan kebangsaan. Selepas sering dikritik dan diminta oleh pihak Pembangkang, tentang betapa pentingnya sumber-sumber tenaga manusia dikembangkan, Kerajaan telahpun mengakui hakikat ini dan bagi tujuan ini telahpun menyediakan sebanyak \$2,363 juta yang akan dibelanjakan pada tahun akan datang. Tetapi apa yang menjadi persoalan ialah samada wang diperuntukkan itu akan dibelanja secara beruntung kerana sekarang perasaan tidak puas hati dan frustrasi ibu-bapa-ibu-bapa, pelajar-pelajar dan pendidik-pendidik terhadap sistem pelajaran yang ujud sekarang kian menambah buruk.

Tuan Yang di-Pertua, banyak telah dihebohkan tentang caranya pelajaran dikedalikan di negara ini dan Menteri Pelajaran kita tidak mengindahkan komen-komen dan kritik-kritik ini. Setiap kali seruan dibuat supaya dasar pelajaran diubah, maka datanglah jawapan bahawa "dasar pelajaran telahpun diputuskan dan ianya hendaklah dipatuhi demi kepentingan perpaduan negara".

Adalah kena pada masanya untuk menasihatkan Yang Berhormat Menteri Pelajaran kita bahawa sekiranya Dasar Pelajaran Kebangsaan kita hendak berjaya dan juga bermakna, ia harus sesuai dengan masa dan

perkembangan-perkembangan. Dasar pelajaran Kebangsaan tidak boleh menjadi satu alat yang tegak dan tidak boleh ubah. Malahan di negara-negara maju, dasar-dasar pelajaran sering dikaji dan diteliti semula dengan tujuan mencapai taraf yang lebih tinggi dan untuk mengeluarkan pelajar-pelajar yang akan berguna kepada masyarakat. Dasar-dasar pelajaran bukanlah merupakan "sacred cows" yang tidak boleh dikritik atau diseru dipermodenkan. Jika sikap terhadap dasar pelajaran kita ialah bahawa dasar tersebut ialah "sacrosanct" saya rasa negara ini akan terus mengalami stagflasi ekonomi dan kemiskinan mental akan berujud di kalangan pelajar-pelajar kita.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat satu misconception atau salah fahaman bahawa hanya dasar pelajaran sekarang merupakan jalan benar ke arah perpaduan negara. Jika apa yang dikatakan oleh saya tadi merupakan hasutan atau sensitif, maka saya secara jujur hendak beritahu bahawa perkara ini kini telah menjadi bahan perbincangan di merata-rata tempat baik pun di kedai-kedai kopi atau lain-lain tempat. Perkara ini telah menjadi lebih hangat daripada perbincangan-perbincangan mengenai saham-saham atau lain-lain cara mendapatkan wang.

Dasar Pelajaran Kebangsaan sekarang bukan merupakan jalan tunggal ke arah perpaduan negara. Seperti seorang mempunyai pilihan untuk memilih ugama yang disukai, maka seorang ibubapa hendaklah mempunyai hak untuk memilih jenis pelajaran yang disukainya untuk anaknya. Hak ini telah termaktub dalam Piagam (Charter) Bangsa-bangsa Bersatu. Adalah dipersetujui bahawa semua pelajar-pelajar mesti belajar Bahasa Malaysia kerana Bahasa Malaysia merupakan Bahasa Kebangsaan serta bahasa bersama di negara ini tetapi hak seseorang pelajar untuk belajar bahasa ibundanya hendaklah diiktirafkan dan jika terdapat pelajar-pelajar yang ingin belajar bahasa Inggeris kerana kepopularannya serta nilai antarabangsanya, maka mereka hendaklah dibenarkan berbuat demikian. Preference-preference ini hendaklah dimasukkan ke dalam sistem pelajaran kita dan rasa kepahitan (bitterness) yang wujud di kalangan ibubapa kita akan kurang.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan Kolej-kolej swasta dan Universiti-universiti. Adalah tidak boleh dinafikan bahawa terdapat kekurangan dalam tempat-tempat yang disediakan untuk pelajar-pelajar di universiti-universiti tempatan, dan akibat ini ramai pelajar-pelajar kita tidak dapat melanjutkan pelajaran mereka di peringkat universiti. Pada tahun 1977, cuma 6,000 orang pelajar dari jumlah 26,000 diterima masuk ke dalam universiti-universiti tempatan untuk menyambung pelajaran mereka. Tahun ini, menurut anggaran Yang Berhormat Menteri Pelajaran di antara 30,265 pelajar-pelajar yang mohon untuk belajar di universiti-universiti tempatan, 23,828 tidak berjaya dalam permohonan mereka. Ini menunjukkan betapa besarnya "demand" untuk mendapatkan tempat-tempat di universiti-universiti tempatan dan nyatalah bilangan universiti tempatan sebanyak 5 buah yang wujud adalah tidak mencukupi.

Janganlah dikatakan akan terdapat bahaya dalam pengeluaran terlalu banyak graduan. Di bawah keadaan yang wujud sekarang, jika satu kajian mengenai tenaga manusia diadakan ia akan menunjukkan bahawa terdapat kekurangan orang-orang yang layak untuk mengusahakan sumber-sumber semula jadi negara, menguruskan perusahaan-perusahaan serta mengembangkan kek ekonomi. Pertumbuhan ekonomi kini lambat kerana kekurangan pengurus-pengurus dan teknikal know-how dan hanya satu revolusi teknikal dan pengurusan boleh menyegerakan pertumbuhan ekonomi kita. Wang tanpa tenaga manusia adalah tidak berguna. Untuk menjayakan revolusi ini, kolej-kolej dan universiti-universiti yang lebih hendaklah dibina dan di sinilah institut-institut swasta boleh mainkan peranan mereka. Mereka boleh bantu meringankan beban kewangan Kerajaan dan juga bantu menampung "demand" untuk tempat-tempat universiti. Maka atas sebab-sebab ini universiti-universiti dan kolej-kolej swasta hendaklah digalakkan.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan jalan ke arah keamanan dan keselamatan negara bukanlah monopoli Kerajaan. Demokrasi telah diberikan satu pukulan yang hebat pada hari Khamis yang lalu iaitu pada 19hb Oktober apabila Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri mengharamkan mesyuarat yang dipanggil oleh penaja-penaja Universiti Merdeka pada 22hb October, 1978 demi kepentingan keamanan dan keselamatan

negara kerana kononnya mesyuarat tersebut mungkin akan mengakibatkan mesyuarat-mesyuarat lain diadakan.

Yang Berhormat Menteri Kewangan telah berkata dalam ucapan belanjawannya: "Marilah kita bersikap rasional dalam pemikiran dan approach kita dan janganlah mencemarkan nasib negara dan tanahair dengan menimbulkan perkara-perkara yang mungkin merosakkan ekonomi kita".

Tuan Yang di-Pertua, perkataan-perkataan ini secara tidak langsung bererti bahawa mesyuarat yang dicadangkan untuk 22hb Oktober, 1978 itu akan memudaratkan keamanan, keselamatan, masa depan dan perpaduan negara. Tidak terdapat sebarang logik ataupun rasionaliti dalam pengharaman yang dikenakan itu.

Mesyuarat yang dicadangkan oleh pihak penaja-penaja itu sebenarnya diadakan dalam keadaan tertutup dan orang-orang yang akan menyertai mesyuarat tersebut terdiri dari wakil-wakil dari pertubuhan-pertubuhan bona fide iaitu pertubuhan-pertubuhan yang berdaftar dan wujud untuk beberapa tahun, ada yang telah wujud selama dua ratus tahun.

Issue yang sepatutnya dibincang di dalam mesyuarat ini ialah issue Universiti Merdeka, universiti yang dicadangkan untuk memberikan peluang-peluang pelajaran tinggi bukan sahaja untuk pelajar-pelajar dari sekolah-sekolah China tetapi juga untuk pelajar-pelajar lain-lain kaum. Issue tersebut merupakan satu issue yang mustahak memandang kepada hakikat bahawa terdapat kekurangan dalam tempat-tempat untuk pelajar-pelajar di kelima-lima universiti-universiti tempatan.

Mesyuarat tersebut sepatutnya dijalankan secara demokratik dan ianya bertujuan untuk memberitahu Kerajaan tentang perasaan-perasaan benar orang-orang China mengenai Universiti Merdeka.

Penaja-penaja universiti tersebut semuanya adalah orang-orang yang jujur dan mempunyai integriti dan mereka mahukan issue tersebut supaya diputuskan menurut lunas demokrasi dan undang-undang.

Penaja-penaja Universiti Merdeka dan penyokong-penyokong universiti tersebut juga mengambil berat tentang keamanan, keselamatan masa depan dan perpaduan

negara. Objektif-objektif ini bukanlah menjadi monopoli pihak Barisan Nasional. Akan tetapi mesyuarat yang dijadualkan untuk 22hb Oktober itu telah diharamkan. Kita tidak dapat memahami mengapa pengharaman dikenakan ke atas mesyuarat yang dianjurkan oleh pihak Universiti Merdeka oleh kerana penubuhan Universiti Merdeka telah menjadi cita-cita rakyat Malaysia keturunan China. Juga penubuhan universiti tersebut adalah di dalam lingkungan Perlembagaan sepertimana terjamin dalam Perkara 152, juga ia akan dapat memenuhi keperluan sosial dan pelajaran.

Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak boleh dinafikan terdapat penafian hak-hak asasi di negara ini dan juga terdapat penyalahgunaan kuasa. Saya kata di sini bahawa bekas Ketua Hakim Negara, ex-Lord President Tun Azmi, telah di dalam satu persidangan mengenai hak-hak asasi berkata bahawa di bawah topong memelihara ketenteraman awam dan keselamatan negara, Kerajaan telah tanpa sebab-sebab menindas hak-hak asasi.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan Kerajaan berjiwa rakyat. Janganlah perkataan-perkataan seperti "Kerajaan Berjiwa Rakyat" hanya tinggal cogan kata sahaja. Istilah "Kerajaan Berjiwa Rakyat" hendaklah menjadi satu istilah yang bermakna dan jika sekiranya istilah ini hendak bermakna, maka Kerajaan mestilah mendengar aspirasi-aspirasi rakyat—mendengar aspirasi semua orang dan bukan hanya mendengar aspirasi 55% rakyat sahaja yang mengundi Barisan.

Pengharaman yang dikenakan ke atas mesyuarat pada 22hb Oktober itu merupakan satu kesilapan yang "horrendous". Pengharaman tersebut merupakan satu pukulan hebat terhadap demokrasi. Pengharaman itu telah menafikan wakil-wakil berjuta-juta rakyat Malaysia hak untuk menyuarakan pandangan-pandangan mereka. Kerajaan telah menghilangkan peluang keemasan (a golden opportunity) untuk mendengar dan memahami aspirasi-aspirasi rakyat.

Pengharaman yang dikenakan itu adalah sangat malang kerana ianya menunjukkan kecenderongan pihak Barisan Nasional untuk menghadkan kebebasan berucap dan berkumpul sepertimana berlaku dalam pilihan raya umum yang lalu. Parti DAP juga mengecam amalan pihak berkenaan yang mengejutkan penaja-penaja daripada tidur

mereka dan memberitahu mereka tentang mesyuarat dengan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri. Motif mereka ini adalah nyata: Mereka hendak menimbulkan ketakutan sepertimana disebutkan oleh Alexander Solzhenitsyn, seorang pemenang Hadiah Nobel, dalam bukunya yang membongkarkan tektik-tektik pihak KGB. Apakah kita berkehendakan sebuah Kerajaan yang berjiwa rakyat ataupun kita berkehendak sebuah Kerajaan yang menimbulkan ketakutan?

Jika pihak Barisan Nasional tuntutan bahawa mereka benar-benar berjiwa rakyat, maka kami di dalam Parti DAP Kerajaan supaya membenarkan penaja-penaja Universiti Merdeka mengadakan mesyuarat mereka yang diharamkan itu.

5.05 ptg.

Tuan Racha Umong (Bukit Mas): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun ikut serta dengan rakan-rakan saya yang lain di Dewan yang mulia ini untuk menyokong penuh dengan perasaan penuh hati menjunjung kasih di atas ucapan Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan semasa membentangkan Rang Undang-undang Perbekalan, 1979 di Dewan yang mulia ini pada hari Jumaat tanggal 20-10-1978 pada pukul 4.00 petang yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, ucapan Yang Berhormat Mulia itu sungguh menarik hati saya iaitu yang mana di dalam ucapan beliau menumpukan perhatian kepada Ahli-ahli Dewan yang mulia ini mahupun kepada keseluruhan rakyat Malaysia sekalipun. Kepada soal-soal dasar yang besar-besaran mengenai prestasi, ekonomi dan kewangan Malaysia bagi tahun ini dan juga mengenai pandangan harapan ekonomi bagi tahun hadapan dan seterusnya.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menghuraikan ucapan saya, saya ingin menyebutkan satu dua perkara kepada Menteri yang berkenaan untuk keperluan atau kepentingan rakyat Bumiputra yang jauh ketinggalan di dalam semua bidang perkembangan dan pembangunan iaitu seperti yang berikut di bawah ini.

Tuan Yang di-Pertua, adakah Kerajaan atau Menteri yang berkenaan sedar bahawa di negeri Sarawak lebih ramai penduduk dari rakyat Bumiputra yang tempat kediaman mereka di kampung-kampung pendalaman

dan di tempat tanah yang tinggi dipergunungan di ulu-ulu sungai, taraf hidup mereka di dalam keadaan yang miskin dan menderita? Jikalau sedar mintalah Kerajaan atau Menteri yang berkenaan memberi satu pandangan yang berat menolong mereka dengan apa sahaja yang sesuai untuk mengatasi masalah atau keadaan buruk yang sedang mereka hadapi masa ini. Maka masalah tersebut sedang berlaku di dalam kawasan saya sendiri Bukit Mas, Limbang-Lawas mahupun di kawasan-kawasan yang lain di Sarawak yang serupa dengan ini atau di seluruh negara kita Malaysia sekalipun.

Tuan Yang di-Pertua, masalah yang paling besar yang berlaku ke tempat-tempat tersebut ialah jalan untuk menghubungkan perjalanan mereka daripada tempatnya ke bandar-bandar yang berkenaan supaya pembeli boleh membawa hasil-hasil daripada kebun dan ladang-ladang padi mereka ke pemasaran agar memperkembangkan dagangan syarikat-syarikat kerjasama mereka. Oleh yang demikian, perlu tempat-tempat tersebut dibuat atau dibina jalanraya seperti yang saya telah bincangkan beberapa kali dalam Dewan yang mulia ini kerana tiada lain jalan untuk menolong mereka selain daripada jalanraya atau memperbanyakkan penerbangan kapalterbang MAS ke tempat-tempat tersebut di bawah ini iaitu: Bakalalan, Kalong Semadoh, Long Sukang, Lawas, Limbang, Miri dan kawasan yang lain pula seperti Bario, Seridan, Long Lelang, Long Aka, Marudi, Miri dan sebagainya yang serupa dengan ini untuk membawa barang-barang keperluan dan penumpang-penumpang naik turun ke bandar. Ataupun membesarkan kapalterbang MAS daripada yang dipakai atau yang ada sekarang ini supaya memenuhi keperluan penduduk-penduduk yang tinggal di tempat yang berjauhan-jauhan daripada bandar. Jikalau tidak diatur seperti tersebut memang menjadi masalah besar terjadi di kalangan tersebut kerana saya sendiri Wakil Rakyat di kawasan tersebut sudah tentunya saya tahu masalah yang mereka hadapi masa ini. Jikalau mereka naik kapalterbang MAS dari tempat tersebut ke Lawas atau ke bandar sampai berebut-rebut dan bergaduh penumpang-penumpang mengambil tiket untuk kembali ke tempat masing-masing sebab kapalterbang MAS itu terlalu kecil dan penerbangannya pun terlalu kurang, tidak mencukupi untuk penumpang-penumpang

dan kadang-kadang penumpang sampai 2-3 minggu mereka tinggal di bandar Lawas sebelum kembali ke tempat masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, cuba berfikir jikalau mereka tidak kembali atau pulang sebelum 2-3 minggu berapa rugi kerja mereka tertinggal begitu sahaja. Jikalau perempuan sedang mengandung atau sedang menyusui anaknya siapa hendak menjaga anaknya, barangkali bapanya pun menangis menjaga anaknya kerana susu pun kena dibawa oleh emaknya, susu tin pun mungkin sudah habis. Apa akan terjadi? Mungkin ada pergaduhan di antara suami-isteri. Tuan Yang di-Pertua, cakap pun tidak guna; dengan memakai bahasa yang lain mohon izin: "Kong poon boh yoong".

Tuan Yang di-Pertua, kapalterbang yang kecil ini sungguh tidak mencukupi untuk penduduk-penduduk tersebut. Pegawai-pegawai Kerajaan pun sangat susah untuk menjalankan tugas-tugas mereka di kawasan-kawasan tersebut kerana kapalterbang MAS yang digunakan oleh Kerajaan di kawasan-kawasan tersebut terlalu kecil dan terlalu kurang penerbangannya di kawasan tersebut atau kawasan-kawasan yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyeru kepada Menteri yang berkenaan supaya mengingat keadaan yang kita sedang hadapi masa ini mengenai kenaikan harga barang-barang. Oleh yang demikian Kerajaan sendiri telahpun menaikkan tanggagaji kakitangan-kakitangan Kerajaan disebabkan kenaikan harga barang-barang tersebut. Nah! Apa telah jadi? Rakyat kita bumiputra yang berpendapatan rendah terpaksa menanggung beban yang sebegitu hebat atau berat. Jikalau mereka tidak diberikan layanan yang memuaskan untuk mengurangkan beban yang sedang mereka pikul tentu menjadi susah besar bagi mereka.

Tuan Yang di-Pertua, untuk riwayat saya sendiri selama saya menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri dahulu dan Ahli Dewan Rakyat sekarang, saya selalu mengingatkan satu pepatah Melayu yang berbunyi: Jikalau melihat bintang di langit jangan lupa rumput di bumi. Pepatah inilah yang menolong saya untuk mengingat rakyat dan kesusahan rakyat kerana rakyat telah memilih kita masing-masing menjadi wakil mereka dan telah mengangkat kita melihat bintang di langit. Oleh sebab itu patutlah Kerajaan atau Menteri yang berkenaan tunduklah kepada

kita, pandanglah mereka seperti melihat rumput di bumi dengan memberi bantuan apa sahaja yang sesuai untuk memperbaiki keadaan mereka seperti beberapa perkara yang saya telah sebut di atas tadi.

Tuan Yang di-Pertua, minggu lalu Menteri yang berkenaan menjawab soalan tentang kapal terbang yang pergi ke London dan pergi ke Singapura dan sebagainya untuk menambah lagi penerbangan tetapi orang yang susah dilupai dan tidak diingatkan. Dengan sebab itu haruslah kita pandang mereka dengan satu pandangan yang berat untuk menolong orang yang lebih susah seperti satu pepatah: Orang yang sihat tidak perlukan tabib, yang sakit perlukan tabib. Dengan sebab itu haruslah kita mengatasi kesusahan orang yang sedang menderita dan sedang sakit seperti apa yang saya sebut tadi.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menamatkan ucapan, saya merayu kepada Menteri yang berkenaan agar perkara-perkara tersebut jangan dilalaikan sekali lagi. Sekian, terima kasih, harap dipertimbangkan.

5.17 ptg.

Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali (Gerik): Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan bersama-sama menyokong usul Belanjawan, 1979 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan Malaysia. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan tahniah kepada beliau di atas pembentangan sebuah Belanjawan yang begitu sederhana dan mengembirakan rakyat.

Untuk memulakan perbincangan, izinkan saya, Tuan Yang di-Pertua, untuk membuat satu analisa berkenaan dengan keadaan ekonomi kita pada masa ini. Mengikut kata *The Economist*, keluaran bulan Oktober, 1975 kemajuan teknologi di abad yang pertama selepas tahun 1976 telah dipelopori oleh Great Britain dan di abad yang kedua bermula 1876 sehingga 1975 telah dipelopori pula oleh Amerika Syarikat dan kemungkinan besar untuk abad yang ketiga bermula dari 1976 kemajuan teknologi akan dipelopori pula oleh negara-negara ketiga yang sedang membangun yang kaya dengan bahan-bahan mentah. Dengan buminya yang kaya dengan bahan-bahan mentah, dengan keadaan

ekonomi yang terkawal dan stabil dan ditambah pula dengan adanya sokongan pemodal yang boleh memainkan peranan yang positif, Malaysia boleh menjadi salah sebuah dari negara-negara yang disebutkan tadi. Berlainan daripada negara-negara membangun yang lain, Malaysia masih lagi merupakan sebuah negara yang menarik bagi penanaman modal, ianya mempunyai sebuah Kerajaan yang mana pentadbirannya adalah lalin, tegas dan boleh dikatakan bersih. Ini adalah satu penghargaan kepada pimpinan yang dedikasi dan tegas yang telah diberikan oleh Perdana Menteri kita dan juga pemimpin-pemimpin yang lain sebelumnya. Sebagai sebuah negara yang memberi penghargaan kepada hak asasi seseorang dan juga dengan dasar ekonomi yang bebas, Kerajaan dan ekonomi Malaysia sekarang berada di puncak negara-negara ASEAN yang lain.

Mengikut kata Gabenor Bank Negara semasa ekonomi negara-negara lain ini menurun, ekonomi Malaysia meningkat antara 2 hingga 3% dan beliau mempunyai keyakinan yang ianya boleh meningkat hingga 6% di tahun-tahun yang akan datang. Dan dalam ucapan Belanjawan Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan kita dapati peratus peningkatan ekonomi kita ialah 7%. Malaysia juga adalah salah sebuah dari beberapa buah negara di rantau ini yang mengamalkan dasar pertukaran wang yang bebas dan dalam masa yang sama dapat mempertahankan kekukuhan dan kestabilan ringgitnya. Ekonominya juga adalah bebas dari sekatan-sekatan ke atas eksport dan import dan jika adapun amatlah sedikit sekalipun jika dibandingkan dengan negara-negara yang telah maju. Ekonominya bertambah kukuh dari masa ke semasa dan simpanan luarnya pada awal 1976 mencapai angka lebihkurang \$4 billion dan dengan terjumpanya telagatelaga minyak terutama di Sarawak dan di Trengganu maka keadaan ekonomi negara di masa hadapan sangatlah cerah.

Satu faktor lagi yang telah dapat menjadikan Malaysia begitu menarik ialah dasar Kerajaan yang selalu mengadakan kajian semula ke atas dasar-dasar ekonomi dengan menggunakan dasar monetary dan fiscal yang begitu flexible untuk mengatasi sebarang kerumitan ekonomi. Selain dari itu, kesedaran pegawai-pegawai Kerajaan dan ahli-ahli perniagaan memperbincangkan keadaan ekonomi negara memberikan Kerajaan peluang untuk mengetahui keadaan ekonomi negara sebelum

satu-satu tindakan positif untuk mengatasi masalah-masalah itu dapat diambil. Untuk mengeksploitasi peluang-peluang pelaburan yang ada di Malaysia, negara ini memerlukan modal yang besar dan juga technical know-how yang meluas.

Negara ini masih kekurangan tenaga pengurusan dan juga jurutera-jurutera yang terlatih untuk memajukan bidang perindustrian dan bahan-bahan mentah negara. Untuk mengatasi masalah-masalah ini maka Malaysia telah mencuba sedaya-upaya untuk menarik pelabur-pelabur asing ke negara ini. Kita telah menghantar deligasi-deligasi keluar negeri untuk menarik minat pelabur-pelabur asing ke negara kita dan akhir-akhir ini Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telahpun mengambil daya-usaha secara besar-besaran untuk menarik minat pelabur-pelabur ini dengan mengadakan delegasi pelaburan ke Amerika. Tetapi sayang di saat-saat mana akhbar-akhbar tempatan menampakkan reaksi-reaksi yang positif dari pelabur-pelabur ini seorang wartawan asing yang menulis di dalam *Asian Wall Street Journal* keluaran 13hb Oktober, 1978 telah memetik ucapan yang dibuat oleh Naib Presiden Bank of America Bahagian Asia semasa berucap di Universiti Indonesia sebagai memuji Thailand dan Singapura kerana menjalankan dasar pelaburan yang pragmatik, tetapi beliau mengatakan bahawa pelabur-pelabur asing tidak berapa tertarik dan merasa gentar dengan keadaan yang tidak berapa stabil dan uncertainties yang menyelubungi keadaan pelaburan di Indonesia, Filipina dan juga Malaysia. Gambaran salah serupa ini yang disebarkan keluar negeri oleh wartawan-wartawan asing boleh membawa akibat yang kurang baik kepada hasrat dan cita-cita dasar pelaburan negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memetik tulisan Ketua Penerangan Tabung Aktiviti Penduduk Bangsa-bangsa Bersatu (United Nations Fund for Population Activities) yang berpengkal di New York di dalam satu rencana di dalam *Asian Wall Street Journal* keluaran 13hb Oktober, 1978 yang mengatakan, dan saya quote:

"It is unfortunate sensation-minded foreign journalists insist on having an interview with the President or the Prime Minister himself and are infuriated if they are not received. (Which Third World reporter has ever been given an exclusive

interview by a United States President or the British Prime Minister himself?) They spend a day or two picking up gobbets of gossip at a hotel Bar and send off cables loaded with facts about corruption, incompetence and conflict. All done in the name of the Free Press and the free flow of things".

Tetapi kita bersyukur kepada Tuhan kerana delegasi kita yang pergi ke Amerika Syarikat mengikut kata bakal Pengerusi MARA telah berjaya dari semua segi kerana semua gambaran salah yang mungkin sengaja ditimbulkan oleh setengah-setengah pihak yang tidak sukakan negara ini maju dalam bidang perdagangan dan perindustrian telah dapat dibersihkan.

Oleh kerana perkara-perkara serupa ini berlaku, dilakukan oleh mereka yang berkehendakan kepada publisiti dan sanjungan dari pihak-pihak yang tertentu, maka cara-cara untuk mengatasi perkara-perkara seperti ini haruslah diberi perhatian yang mendalam dan serius. Jabatan Penerangan dan Jabatan Perhubungan Awam di Kementerian-kementerian dan Jabatan yang berkenaan di Kementerian Luar Negeri haruslah diperkemaskan untuk memastikan bahawa gambaran yang betul mengenai negara kita dapat disebarkan keluar negeri.

Di tempat-tempat yang penting di luar negeri mereka yang mempunyai bakat dan terlatih di bidang perhubungan awam, tidak semestinya pegawai Kerajaan, haruslah ditempatkan. Pesuruhjaya Perdagangan kita dan juga wakil-wakil dari FIDA seharusnya terdiri dari mereka-mereka yang mementingkan pencapaian matlamat. Matlamat-matlamat mestilah diperincikan dan cara-cara yang dijalankan untuk mencapai matlamat ini diawasi. Pegawai-pegawai yang dihantar keluar negeri ini mestilah terdiri dari mereka yang betul-betul terlatih dan berpengalaman di bidang-bidang yang ada kaitan dengan tugas-tugas mereka.

Kita juga selalu mendengar di akhir-akhir ini berkenaan dengan keadaan pengumpulan modal swasta yang tidak mencukupi. Dalam masa saya mendoa kejayaan Kerajaan menarik pelabur-pelabur asing dan juga pelabur-pelabur tempatan untuk melabur di negara kita, saya merasakan bahawa kita juga patut menumpukan perhatian yang lebih kepada satu cara yang telah diketengahkan oleh Allahyarham Tun Abdul Razak iaitu

untuk mengadakan lebih banyak lagi perusahaan-perusahaan yang dimodali bersama oleh pihak swasta dan agensi-agensi Kerajaan (private/public sector enterprise).

Dalam keadaan-keadaan tidak stabil akibat dari keadaan ekonomi dunia, usaha sama seperti yang telah saya katakan tadi akan dapat mempertingkatkan lagi kemajuan perusahaan. Banyak industri-industri yang memerlukan pelaburan yang besar yang boleh dijalankan dengan cara ini.

Tuan Yang di-Pertua, untuk memesatkan lagi kemajuan di sektor perindustrian, saya suka mencadangkan agar bank-bank tempatan dibenarkan untuk memodali bersama projek-projek perindustrian. Dalam pada itu saya juga tidaklah mahu melihat bank-bank ini bergabung atau bersubahat dengan fly-by-night companies. Saya mempunyai keyakinan yang bank-bank kita tidak akan berbuat demikian dan saya berharap semoga mereka akan menyertai pelaburan di dalam projek-projek yang viable sebagaimana yang telah dilakukan oleh bank-bank lain di Germany, Jepun dan Thailand.

Sekarang, Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengulas sedikit berkenaan dengan sektor pertanian oleh kerana bidang pertanian memainkan peranan yang tidak kurang pentingnya dalam ekonomi negara. Sebahagian besar daripada rakyat di negara kita telah terlibat di dalam sektor ini dan kadar kemiskinan yang tinggi juga wujud di dalam sektor ini. Menurut angka-angka yang ada menunjukkan bahawa kadar kemiskinan paling tinggi ialah di kalangan buruh pertanian 92% dan penanam padi 88%. Kerajaan telah memperuntukkan wang yang banyak untuk memajukan sektor ini, terutama sekali dalam usaha meninggikan pendapatan petani-petani. Masalah hendak meninggikan pendapatan petani-petani dipengaruhi besar oleh faktor pemasaran. Walaupun kita sering mendengar tentang keluaran hasil bertambah dari usaha-usaha petani-petani tetapi oleh kerana ketiadaan satu sistem pemasaran yang lengkap, licin dan teratur maka petani-petani kita masih lagi tidak mendapat bayaran sewajarnya dari usaha-usaha yang mereka kendalikan. Saya meminta kepada Kerajaan supaya mengadakan satu formula yang comprehensive untuk mengatasi masalah pemasaran hasil-hasil pertanian ini terutama

sekali hasil-hasil yang mudah rosak. Kegiatan pemasaran hasil pertanian yang dilaksanakan oleh Koperasi Peladang dan FAMA pada masa ini hendaklah diperkemas dan diperlengkapkan dan jika perlu kerjasama dari bank perniagaan juga perlulah didapatkan. Hanya dengan wujudnya satu sistem pemasaran yang komprehensif itu sahaja dapat kita menghadapi masalah pemasaran hasil pertanian ini dengan sebaik-baiknya.

Sementara itu, Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin melihat bank-bank yang ada di Malaysia memainkan peranan yang lebih positif ke arah menjalankan fungsi-fungsi yang telah ditetapkan oleh Bank Negara. Saya berharap agar jabatan yang mengelolakan pinjaman pertanian dan pinjaman luar-bandar dapat diperkemas dan eksekutif yang terlatih dan berpengalaman ditempatkan agar ianya dapat memainkan peranan untuk memodal dan memajukan sektor pertanian untuk kejayaan sepertimana yang telah didapati di beberapa buah negara lain seperti Amerika Syarikat, Australia, Jepun dan juga India. Bank-bank ini seharusnya berganding bahu dengan lain-lain agensi Kerajaan dalam usaha mereka untuk benar-benar memberikan sumbangan yang positif kepada kemajuan pertanian di negara ini dan bukan hanya setakat melepas batuk di tangga.

Selain dari masalah yang saya sebutkan tadi, masalah pengangguran juga adalah menjadi satu masalah yang merumitkan. Selain dari mengadakan kajian dan bancian berkenaan dengan gunatenaga manusia dan perancangan yang teratur, Kerajaan patut juga memperkemas lagi latihan semasa kerja di Jabatan-jabatan Kerajaan yang berkenaan. Pelaburan modal patutlah dipertingkatkan lagi selaras dengan peningkatan penduduk dan pelaburan di sektor perusahaan haruslah dipergiatkan lagi. Untuk tujuan ini, usahasama swasta dan agensi-agensi Kerajaan di bidang-bidang yang banyak menggunakan tenaga manusia, haruslah dipergiatkan lagi. Kalau tadi saya meminta atau merayu agar bank-bank perniagaan memberikan pinjaman untuk pertanian kepada penduduk luar bandar, saya juga berharap agar petani-petani dapat diasuh dan dilatih mengenai cara-cara untuk menggunakan pinjaman tersebut oleh pihak Kementerian Pertanian agar pinjaman-pinjaman ini dapat digunakan dengan lebih

berkesan lagi oleh petani-petani kita. Kadangkala pula pengangguran adalah disebabkan oleh pihak pengeluar tidak dapat hendak memasarkan barang-barang keluaran mereka.

Dari aspek ini, Tuan Yang di-Pertua, saya sukalah hendak mencadangkan agar pihak Kerajaan menubuhkan Manufacturers Export House, semoga barang-barang yang dikeluarkan akan dapat diselaraskan mutunya dan pasarnya pula akan dapat dicari. Korea Selatan melalui agensi yang sama telah dapat meningkatkan eksport kasutnya ke Amerika Syarikat dari satu juta pasang kepada dua juta pasang dalam tempoh dua tahun sahaja. Oleh itu saya berharap agar Jabatan Perdagangan Antarabangsa di Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dengan kerjasama Persekutuan Pengeluar-pengeluar Malaysia dapat membentuk 'Manufacturers' Export House yang saya sebutkan tadi untuk mengatasi masalah pengeluaran-pengeluaran tempatan.

Sementelah kita telah menyebut berkenaan dengan pengeluar-pengeluar saya juga ingin mencadangkan agar pihak Kerajaan menubuhkan satu Consumers Goods Testing Unit seperti di Germany dan England untuk menjaga kepentingan pihak pembeli. Saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan di atas penubuhan Standards Institute of Malaysia (SIM) tetapi saya berharap agar Institut ini dapat diperkemaskan lagi agar semua barang-barang yang dipasarkan untuk kegunaan tempatan akan dapat ditingkatkan mutunya selaras dengan kehendak tempatan demi untuk menjaga kepentingan pembeli. Ini bukan sahaja akan dapat menyelamatkan pembeli dari membeli barang-barang yang bermutu rendah dengan harga yang mahal tetapi ianya juga akan dapat menarik minat pembeli-pembeli dari membeli barang-barang buatan luar negeri (imported goods) kepada barang-barang keluaran tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, lagi satu masalah yang dihadapi oleh negara kita ialah masalah inflasi. Satu daripada sebab-sebab mengapa inflasi melanda negara kita ini ialah kerana kenaikan harga minyak di pasaran dunia. Di sini saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kerajaan kita terutamanya sekali Kementerian Tenaga, Talikom dan Pos kerana telah dengan beraninya membelanjakan wang yang begitu banyak untuk membina empangan-empangan haidro. Di kawasan

saya baru sahaja disiapkan Empangan Temenggor dan masih ada dua buah lagi empangan yang akan dibina iaitu Empangan Bersia dan Empangan Kenering, yang masing-masing berharga \$300 juta tiap-tiap satu. Semoga demoga dengan cara ini harga satu unit api letrik akan dapat dikurangkan dan dengan itu harga pengeluaran akan dapat juga diturunkan. Untuk menurunkan lagi harga api letrik ini saya ingin mencadangkan di sini agar pihak L.L.N. mempelopori pengeluaran alat-alat letrik seperti cable, switches, motor dan lain-lain yang mana pada masa ini kebanyakannya diimport. Kalau L.L.N. mengeluarkan berlebihan alat-alat ini dari yang diperlukan oleh pasaran tempatan, maka alat-alat itu jika mutunya baik bolehlah dieksport ke lain-lain negara ASEAN. Untuk mengatasi masalah inflasi ini juga pihak Kementerian Pertanian seharusnya juga menggalakkan rakyat membela ikan air tawar dan juga udang agar harga ikan dan sumber protein lain untuk rakyat di negara ini dapat distabilkan. Kerajaan juga seharusnya mengambil langkah-langkah yang sewajarnya mengelurur perseorangan petani-petani dapat ditingkatkan dan pengeluaran tiap-tiap satu ekar dapat dinaikkan.

Selain dari menumpukan perhatian ke arah ini cara-cara untuk memberi sumber pendapatan sulaman juga patut digalakkan. Cara Kementerian menggalakkan penanaman koko di kawasan kelapa adalah satu contoh yang sangat menggalakkan. Selain dari cara-cara yang dicadangkan di atas, kita menaruh harapan yang tinggi agar pihak Perbendaharaan akan dapat menggunakan cara-cara ekonomi mikro dan makro yang bertepatan untuk mengatasi masalah ini yang mungkin terpaksa kita hadapi dari masa ke semasa. Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan Malaysia.

5.37 ptg.

Datuk Stephen Robert Evans (Keningau):

Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri menyokong usul Anggaran Belanjawan Malaysia bagi tahun 1979 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada tarikh 20hb Oktober, 1978.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ingin untuk menyampaikan ucapan ini dengan panjang lebar oleh kerana apa yang hendak saya katakan telahpun dikemukakan oleh

Ahli-ahli Yang Berhormat sebentar tadi. Dalam pendapat saya ucapan Anggaran Belanjawan bagi tahun 1979 sebagaimana yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan adalah satu Belanjawan yang menasabah dan berpatutan. Belanjawan yang dibentangkan itu yang begitu molek dan baik, memang boleh diberi kepujian dan sepatutnya diberi ucapan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan, kerana pada hemat saya Belanjawan yang dibentangkan itu tidak membebankan rakyat, terutama sekali golongan yang berpendapatan rendah kerana boleh dikatakan tidak ada daripada golongan yang berpendapatan rendah mahupun mereka yang berpendapatan sederhana yang telah memberikan ataupun menunjukkan bantahan-bantahan mereka, bahkan kita terdapat sokongan-sokongan yang menunjukkan kegembiraan mereka dengan Belanjawan tahun 1979 yang dibentangkan itu.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya sebutkan tadi Belanjawan yang telah dibentangkan itu boleh diterima keseluruhannya. Pihak kita dan saya juga dalam Dewan yang mulia ini ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan juga setinggi-tinggi tahniah kepada pihak Kerajaan yang berkenaan. Rakyat tentu tidak seharusnya mengeluh atas sedikit sebanyak cukai-cukai yang melibatkan mereka sendiri demi kepentingan negara di masa yang akan datang.

Pada pendapat saya rakyat Malaysia yang cintakan negara ini patut berterima kasih kepada Kerajaan kerana telah dapat memasukkan beberapa cukai yang semata-mata bertujuan untuk meringankan badan kepada rakyat. Kita percaya Kerajaan sentiasa menitikberatkan kepentingan badan kepada rakyat. Kerajaan juga sentiasa mencari jalan dan ikhtiar untuk memperbaiki keadaan hidup rakyat dengan tujuan membasmi kemiskinan untuk mengseimbangkan kedudukan jurang perbezaan antara yang berada dengan yang tidak berada dan rakyat juga perlu memberi kerjasama yang penuh kepada Kerajaan memajukan negara ini dari semasa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, dalam keadaan negara yang sedang membangun ini Kerajaan Barisan Nasional nampaknya telah mengambil berat serta memerhatikan agar segala projek-projek yang sedang dijalankan oleh

Kerajaan Malaysia dan juga rancangan-rancangan yang di dalam susunan di peringkat Kerajaan Negeri yang sedang dijalankan dalam Rancangan Malaysia Ketiga dan lain-lain rancangan lagi mungkin akan dimasukkan di dalam Rancangan-rancangan Malaysia Yang Keempat nanti akan dapat terus berjalan dengan licin.

Oleh yang demikian saya tidak ragu-ragu lagi memberi sokongan penuh kepada dasar kewangan Kerajaan Malaysia bagi tahun 1979.

5.42 ptg.

Tuan Kamaluddin bin Maamor (Hilir Perak): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyatakan sokongan saya terhadap usul belanjawan yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan dan dalam menyatakan sokongan saya ini izinkan saya menyatakan beberapa perkara yang saya fikir perlu.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan sebanyak \$13,570 juta itu bagi Belanjawan tahun 1979 adalah satu petanda yang jelas bahawa kemakmuran negara makin meningkat dan ekonomi kita terus terjamin. Secara keseluruhan Belanjawan tahun 1979 akan memberi faedah bukan sahaja kepada pelabur dan peniaga bahkan kepada setiap rakyat di negeri ini. Walaupun cukai pendapatan tiap-tiap individu tidak dikurangkan secara langsung tetapi dengan naiknya kadar pelepasan cukai untuk anak-anak di antara \$400 hingga \$800 dan penurunan duti impot buah-buahan, radio dan talivisyen, alat-alat solek dan sebagainya secara tidak langsung menolong memperbaiki pendapatan benar setiap rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, penurunan duti impot buah-buahan, radio dan talivisyen, alat-alat solek dan sebagainya tidak akan menjadi kenyataan jika sekiranya trend kenaikan harga barang-barang yang lalu berterusan. Apa yang diperlukan sekarang ialah langkah-langkah yang berkesan dari Kerajaan supaya barang-barang yang terlibat itu dikurangkan harga jualannya menurut kadar yang menasabah. Jika sekiranya langkah-langkah yang tegas tidak dilakukan, pengurangan cukai itu hanya akan memberi keuntungan kepada pengimpot dan penjual dan bukan kepada Rakyat yang berpendapatan rendah.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh berkenaan dengan proses Kerajaan bagi menyusun semula masyarakat kita dalam rangka Dasar Ekonomi Baru, saya berpendapat bahawa target 30% penyertaan bumiputra dalam ekonomi negara kita terlalu gigantic. Ini memerlukan perlaksanaan yang lebih sistematik, yang lebih integrated, yang lebih menyeluruh, yang lebih berkesan serta melibatkan tiap-tiap individu bumiputra. Justeru itu, Kerajaan hendaklah menyedarkan setiap individu bumiputra agar mereka mengambil inisiatif dan menambah keazaman mereka bagi mencapai kecemerlangan di dalam bidang masing-masing. Penglibatan individu ini mestilah menyeluruh di masyarakat bumiputra tidak kira mereka itu doktor, peguam, pelombong, pentadbir atau pun pengurus, bahkan juga merangkumi yang lain tidak kira ianya Pegawai Kastam di Tambak Johor ataupun Pegawai Polis di check-point di perbatasan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjayakan penglibatan setiap individu bumiputra ini, saya mencadangkan kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan agar dapat memberi tax incentive seperti mengecualikan mereka daripada membayar cukai pendapatan dan cukai pembangunan selama 3 tahun mulai dari mereka menceburkan diri dalam lapangan perniagaan, terutama sekali kepada ahli profesional bumiputra dan ahli-ahli perniagaan yang besar yang menjalankan amalan profesion dan perniagaan mereka agar mereka dapat memperkukuhkan kedudukan mereka dalam bidang masing-masing.

Pengecualian cukai pendapatan dan cukai pembangunan ini tidak akan menjejaskan pendapatan negara, malahan ia akan menjadi galakan atau penarikan kepada individu bumiputra melibatkan diri dalam dunia perniagaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam belanjawannya telah memperuntukkan \$600 juta untuk bekalan letrik. Peruntukan ini sungguh, pada dasarnya, besar. Tetapi di segi perlaksanaannya nanti sebilangan kecil kampung-kampung luarbandar sahaja yang dapat menikmati bekalan letrik ini. Memandangkan sebilangan kecil sahaja kampung-kampung luarbandar yang dapat menikmati bekalan letrik ini, maka saya mencadangkan kepada Kerajaan agar dapat membuat kajian untuk menggunakan solar energy bagi mengeluarkan letrik.

Saya faham eksperimen-eksperimen yang dijalankan oleh pihak tertentu membuktikan bahawa yunit salor cell ini boleh digunakan dengan jayanya terutama sekali di kawasan pendalaman di luar bandar. Unit solar cell ini yang berharga lebih kurang \$1,400 boleh digunakan selama 10 tahun dan dengan subsidi daripada Kerajaan bererti semua penduduk pendalaman di luarbandar yang miskin akan dapat menikmati letrik di rumah mereka.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut laporan ekonomi 1978/79, 63.6% pekebun-pekebun kecil memiliki kebun lima ekar ke bawah; 27.1% di antara lima hingga sepuluh ekar, manakala hanya 9.3% mempunyai kebun seluas sepuluh ekar ke atas. Laporan tersebut menerangkan bahawa kekecilan saiz kebun adalah ciri utama pekebun-pekebun kecil dan ini mengurangkan keupayaan pekebun-pekebun kecil meningkatkan pendapatan mereka dan juga menghalang aktiviti memodenkannya. Tuan Yang di-Pertua, sudahlah kebun-kebun seperti yang diterangkan itu tidak ekonomik kebanyakannya pula terbiar sahaja? Apakah sebab kebun-kebun menjadi begitu kecil, tidak ekonomik dan terbiar sahaja. Pada hemat saya kebun-kebun tersebut terbiar sahaja oleh kerana kebun-kebun tersebut adalah tanah pesaka yang mana kuasanya belum lagi diselesaikan. Jika sekiranya kuasa telah diselesaikan, tuan-tuan tanah tersebut telah menjadi ramai akibat pengambilan kuasa tersebut. Dengan ramainya tuan-tuan punya bersama (co-owner) maka pembangunan tanah tersebut akan menjadi sukar dan akhirnya terbiar sahaja. Tanah yang mulanya sepuluh ekar dimiliki oleh seorang akan menjadi milik ramai dan masalah ini akan berterusan apabila sahaja seorang daripada tuan punya bersama itu meninggal dunia.

Tuan Yang di-Pertua, masalah ini dialami keseluruhan orang-orang Melayu terutama sekali mereka yang duduk di luarbandar. Keadaan ini begitu critical sekali. Bagi kawasan Parlimen saya Hilir Perak satu kawasan luarbandar yang luas mempunyai hampir 100,000 penduduk yang mana 90% terdiri daripada orang Melayu yang duduk di lebih 100 buah kampung pendalaman termasuk kampung-kampung di sepanjang tebing Sungai Perak. Ini adalah menjadi dilemma kepada Pentadbir dan Wakil-wakil

Rakyat di kawasan ini. Tuan Yang di-Pertua, bagi mengatasi masalah kritikal ini saya mencadangkan kepada Kerajaan agar menubuhkan satu lembaga yang diberi kuasa mengambil alih tanah yang terbiar ini menyelesaikan kuasa-kuasa yang belum diambil dan seterusnya memajukannya. Hakmilik tanah tersebut hendaklah jangan ditukar balik kepada tuan-tuan punya bersama yang asal. Mereka hanya diberi secara saham mengikut nilai tanah mereka itu sebagai balasan penukar milik tanah mereka kepada lembaga itu. Mereka hendaklah diwajibkan membuat penamaan supaya apabila mereka meninggal dunia nanti saham-saham mereka dalam lembaga itu akan dipindahmilikkan kepada penama. Badan tersebut hendaklah memberi keutamaan dari segi kerja kepada pemegang saham tersebut. Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya lembaga ini maka masalah tanah terbiar, masalah kuasa, masalah tidak ekonomik, masalah pembangunan, masalah pengangguran luarbandar dan masalah kemiskinan penduduk luarbandar dapat diselesaikan.

Tuan Yang di-Pertua, kemiskinan, pengangguran, penghijrahan pemuda-pemudi ke bandar dan kelambatan perkembangan ekonomi di kawasan Parlimen saya adalah serius. Saya tidak menafikan bahawa Kerajaan telah banyak memberi kemudahan kepada penduduk-penduduk di kawasan ini tetapi yang menjadi persoalan ialah selepas 20 tahun kita merdeka masih terdapat di sebahagian besar kampung-kampung di kawasan ini tidak mempunyai kemudahan asas seperti jalan yang sempurna dan bekalan air, jauh sekali bekalan letrik, jika ada pun bekalan air hanya paip yang ada, airnya tiada dan jika airnya ada tekanan atau pressurennya terlalu rendah. Dengan tiadanya kemudahan asas ini, Tuan Yang di-Pertua, penyakit-penyakit mudah dan selalu menyebarkan mereka seperti wabak taun baharu-baharu ini di kawasan Sungai Perak dan selanjutnya menyulitkan pemimpin-pemimpin bagi mengubah sikap tradisional mereka kepada sikap moden.

Tuan Yang di-Pertua, masalah kemiskinan ini di luarbandar dan kelambatan perkembangan ekonomi boleh diatasi dengan segera jika sekiranya Kerajaan mendirikan kilang-kilang perusahaan di kawasan ini. Bagi tujuan ini saya mencadangkan kepada pihak Kerajaan agar menggalakkan penubuhan kilang kertas yang menggunakan bahan-bahan

batang padi yang mudah terdapat di kawasan Hilir Perak untuk diproses menjadi kertas, strawboards, tissue papers dan sebagainya. Saya selanjutnya mengesyorkan kepada L.P.N. supaya mendirikan kompleks padinya di kawasan Hilir Perak kerana di sini terdapat dua kawasan jelapang padi yang besar iaitu di Sungai Manek dan Seberang Perak.

Tuan Yang di-Pertua, pelajaran anak-anak tempatan di kawasan Parlimen saya terlalu lemah dan peratus kelulusan mereka tidak memuaskan. Ini bukanlah kesalahan guru-guru atau ibubapa tetapi adalah disebabkan suasana yang kurang menggalakkan. Bagi mengatasi kelemahan pelajar-pelajar ini saya menyeru kepada Kementerian Pelajaran agar sekolah menengah yang ada sekarang ini di daerah kecil Kampung Gajah iaitu Sekolah Menengah Datuk Seri Maha Raja Lela dijadikan sebuah sekolah berasrama penuh atau sekurang-kurangnya mendirikan sebuah asrama pada peringkat pertama supaya murid-murid dapat dipupuk agar mereka dapat menumpukan masa yang banyak terhadap pelajaran.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya selanjutnya menyentuh berkenaan dengan hospital-hospital di tanahair kita ini. Dari tinjauan saya hospital-hospital di Perak saya dapati tidak ada satu surau ataupun bilik khas untuk kemudahan bagi rakyat yang beragama Islam menunaikan sembahyang fardhu mereka di hospital tersebut. Tuan Yang di-Pertua, dari tinjauan itu juga saya dapati hospital-hospital selalunya jauh dari mesjid, madrasah atau surau. Rakyat yang beragama Islam yang melawat atau menunggu anak saudara mereka yang dirawat di hospital ini terpaksa pergi ke mesjid yang berdekatan sekali dengan hospital itu yang sebatu atau dua batu jauhnya. Apatih lagi jika pesakit-pesakit yang telah sembuh yang hanya menunggu masa untuk pulang hendak menunaikan sembahyang fardhu mereka. Begitu juga masalah bagi pegawai dan kakitangan hospital yang beragama Islam yang duduk di luar kawasan hospital. Memandangkan masalah ini, saya mencadangkan kepada Kementerian Kesihatan agar mengadakan kemudahan tempat sembahyang kepada rakyat yang beragama Islam di semua hospital di tanahair ini dan peruntukan khas bagi sebuah surau yang lengkap di hospital yang akan dibina kelak.

Selanjutnya, Tuan Yang di-Pertua, selain dari kemudahan tempat sembahyang di hospital-hospital saya juga mengesyorkan kepada Jabatan Perdana Menteri agar menempatkan seorang pegawai Jabatan Ujama bertugas samada penuh masa ataupun bergilir di tiap-tiap hospital di negara ini dengan tugas utama melawat pesakit-pesakit yang beragama Islam dan "be on call" kepada mereka yang tenat serta memberi perkhidmatan yang sesuai mengikut ajaran agama Islam.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong usul Belanjawan yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan.

5.52 ptg.

Tuan Mohd. Nakhai bin Haji Ahmad (Baling): Bismillahir-rahmanir-rahim. Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada 20hb Oktober yang lalu yang di antara lainnya mengandungi pengumuman mengenai pengurangan cukai ke atas barang-barang tertentu harus dikaji dan dilihat dengan saksama. Dilihat dari pengurangan cukai-cukai ke atas barang-barang tertentu yang disebutkan oleh Menteri yang berkenaan, Belanjawan itu dapat diibaratkan sebagai bunga dilukis begitu indah oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan. Tetapi walau bagaimanapun indahnya gambaran yang diberikan tinjauan kita tidak seharusnya tertumpu kepada bunga itu sahaja. Kita harus memikirkan apakah buah yang akan lahir daripada bunga itu, adakah buah itu boleh dimakan atau buah itu pahit, manis ataupun kelat. Orang yang sudah dapat menyelesaikan keperluan asasi mereka, orang yang sudah mendapat menyediakan dengan mudah keperluan-keperluan seperti beras, gula, pakaian, tepung dan lain-lain keperluan justru mereka mempunyai pendapatan yang tinggi, sudah tentu menyambut pengumuman turunnya cukai-cukai tersebut dengan gembira. Mereka dapat meningkatkan lagi kehidupan mewah mereka. Bunga yang digambarkan begitu indah sudah tentu menarik perhatian. Mereka sudah dapat menyelesaikan keperluan asasi. Dengan Belanjawan yang baharu bolehlah mereka menumpukan perhatian kepada kehidupan mewah. Kenaikan gaji, keuntungan perniagaan dari perusahaan membalak dan sebagainya mungkin akan bertambah dengan potongan royalti yang diambil kira cukai-cukai yang dibayar.

Isteri-isteri pembalak ini bolehlah menebalkan lagi bahan-bahan solek mereka dengan turunnya cukai-cukai ke atas alat-alat solek. Orang-orang lain juga yang berpendapatan tinggi tentu mula memikirkan untuk menukar lampu-lampu kaca yang lama kepada yang baharu dengan turunnya cukai ke atas barang-barang tersebut. Pendeknya orang yang berada sudah tentu akan mendapat faedah yang besar daripada pengurangan cukai ke atas barang-barang yang disebutkan.

Tetapi bagaimana dengan rakyat berpendapatan rendah, rakyat di luar bandar yang bukan pembalak, bukan pegawai-pegawai yang berkali-kali menerima durian runtuh, bukan pengusaha yang menghitung keuntungan, bukan peniaga yang menaik dan menurunkan barang mengikut keadaan. Tetapi rakyat luar bandar yang terdiri daripada pekebun kecil, petani dan penoreh. Rakyat luar bandar yang tidak sempat memikirkan kemewahan yang cuma bergelut untuk mendapatkan keperluan asasi bagi mengisi kekosongan perut mereka dan perut anak-anak mereka. Yang tidak sempat memikirkan merasai buah limau, anggur atau epal. Yang tidak ada masa untuk memikirkan pembelian TV berwarna atau yang tidak berwarna. Yang hanya mempunyai waktu untuk bergelut dengan tanah dan lumpur, mengharung gelombang samudra untuk mendapatkan beras, tepung, gula, bawang, sayur-sayuran, pakaian dan ikan untuk keluarga mereka. Mereka sebenarnya tidak mendapat faedah daripada pengurangan cukai ke atas barang-barang yang telah diumumkan. Mereka memerlukan buah yang mereka harapkan dari Belanjawan itu, tetapi Kerajaan memberikan bunga untuk perhiasan mereka sahaja.

Kita tahu sebelum Belanjawan ini dikemukakan, Menteri berkenaan telah mengadakan dialog-dialog dengan peniaga-peniaga, pembalak-pembalak, pensyarah-pensyarah. Tetapi Menteri berkenaan barangkali tidak cukup masa untuk mengadakan pertemuan dengan petani-petani, buruh-buruh dan nelayan-nelayan. Oleh itu rintihan mereka tidak terdengar dan kesulitan mereka tidak dirasai. Dilihat daripada aspek ini bolehlah dikatakan bahawa pengurangan cukai ke atas barang-barang yang dinyatakan hanya merupakan hadiah dan pemberian kepada golongan-golongan menengah dan atasan atau dengan lebih umum lagi hadiah untuk rakyat di bandar yang berkemampuan.

Adapun orang-orang di luar bandar yang tidak berkesampaian untuk mengambil faedah dari pengurangan cukai ke atas barang-barang tersebut terus mengeluh dengan harga barang-barang keperluan yang masih di paras tinggi.

Kita turut bergembira dengan nikmat yang dirasai oleh rakyat di bandar. Mereka sebenarnya berhak untuk merasai dan menikmati kekayaan negara mereka. Tetapi kita tidak dapat menutup mata terhadap penderitaan dan kezaliman yang sedang berlaku ke atas rakyat berpendapatan rendah dan miskin terutama di luar bandar, yang di-tayangkan kepada mereka kemewahan-kemewahan. Sedangkan tangan mereka dirasakan begitu susah untuk mencapai beras, gula, tepung, ikan dan lain-lain keperluan asasi. Apa lagi cukai yang diumumkan tidak memberi kesan untuk menurunkan keperluan-keperluan asasi rakyat itu.

Oleh itu saya merayu kepada Menteri Kewangan supaya pengurangan cukai-cukai itu diperluaskan kepada barang-barang yang menjadi keperluan asasi rakyat terutamanya gula, tepung dan pakaian. Saya juga merayu kepada Menteri berkenaan supaya memberi atau menambahkan subsidi ke atas beras supaya harga beras dapat dikurangkan tanpa menyentuh kepentingan petani-petani yang mengusahakan tanaman padi. Dengan perluasan ini Belanjawan yang dikatakan Belanjawan rakyat itu dapat dirasai faedahnya oleh semua rakyat. Bukannya golongan-golongan yang berpendapatan tinggi dan sederhana sahaja. Belanjawan itu hanya dianggap adil sekiranya ia meletakkan kepentingan orang-orang miskin dan lemah di tempat yang utama, sepertimana yang ditegaskan oleh Khalifah Islam yang pertama: "Bahawa orang yang kuat bagiku adalah lemah sehingga aku mengambil hak daripadanya dan orang yang lemah itu bagiku adalah kuat sehingga aku mengambil hak untuknya".

Saya menyeru supaya dilaksanakan dasar ini dalam menentukan Belanjawan negara dan seterusnya mengamalkan dasar-dasar Islam di dalam usaha membentuk masyarakat yang aman dan sejahtera. Saya menyeru supaya dilaksanakan ajaran Al-Quran supaya membahagi kekayaan negara dengan adil. ("Likaila takuna dulatan bainal aghniyai minkum")—"Supaya tidaklah kekayaan itu beredar di kalangan orang-orang kaya sahaja

di antara kamu". Hakikat bahawa kekayaan negara hanya beredar di sekitar orang-orang kaya sahaja di negara ini adalah ketara. Lihat sahaja kenyataan yang terdapat di kawasan saya iaitu di Baling. 35,776 daripada 81,655 ekar tanah subur yang ditanam dengan getah di daerah itu dimiliki oleh segelintir orang kaya. 24,958 ekar dari jumlah yang dimiliki oleh orang-orang kaya itu dimiliki oleh orang-orang asing yang bukan warganegara. Hanya 45,879 ekar sahaja tanah subur itu dimiliki oleh berpuluh-puluh ribu pekebun kecil yang mengusahakan tanah-tanah mereka secara yang tidak ekonomik. Jika kita pergi ke Baling melalui Sungai Petani atau Kulim, sepanjang jalan kita bersua dengan ladang-ladang getah yang luas, di celah-celah ladang itu terselit kampung-kampung Melayu dengan rumah-rumah mereka yang daif. Di kampung-kampung seperti inilah rakyat bumiputra yang miskin tinggal tanpa mempunyai kemudahan-kemudahan asas seperti bekalan air dan juga elektrik. Dengan tanah yang terhad yang dimiliki oleh berpuluh-puluh ribu rakyat berbanding dengan yang dimiliki oleh segelintir orang kaya nyatalah bahawa masalah tanah merupakan masalah yang besar yang dihadapi oleh rakyat di luar bandar.

Di kawasan saya di Baling masalah ini sangat ketara dengan berkembangnya penerokaan tanah secara haram yang dilakukan setiap masa. Sedangkan untuk mendapatkan tanah secara halal bagi rakyat-rakyat itu lebih rumit dan berat lagi daripada menghayun kapak untuk menebang dan menebas tanah-tanah yang diteroka secara haram itu. Tanah mempunyai kaitan rapat dengan kegiatan pertanian. Ekonomi rakyat desa berasaskan pertanian dan bertani itu ialah cara hidup yang mereka warisi turun temurun. Jadi masalah tanah yang mereka hadapi dengan sendirinya melibatkan kegiatan pertanian keseluruhannya.

Walaupun disedari bahawa sektor pertanian telah memberikan sumbangan penting kepada ekonomi negara, petani-petani merupakan rakyat yang miskin dan lemah. Corak pertanian yang dijalankan tidak berkembang ke arah meningkatkan taraf hidup petani-petani itu. Sedangkan usaha-usaha ke arah meninggikan taraf hidup petani-petani

itu bergantung kepada faktor-faktor tanah, keluasan dan kualitinya, kepada modal, pihak-pihak yang mengeluarkan modal, sistem pinjaman dan juga pengetahuan mengenai teknik-teknik pertanian dan aspek-aspek yang berkaitan dengannya. Ia juga bergantung kepada pemasaran pertanian yang berkesan dan teratur. Usaha-usaha meninggikan taraf hidup petani dan rakyat di luar bandar sebenarnya tidak dapat dilaksanakan menerusi rancangan-rancangan sampingan tanpa meliputi seluruh faktor-faktor yang terlibat. Kegiatan-kegiatan Jabatan Pertanian Daerah sekarang ini merupakan contoh yang tepat mengenai rancangan-rancangan sampingan itu. Bantuan-bantuan benih, baja dan baka-baka ternakan merupakan kegiatan yang semata-mata untuk mengadakan kegiatan, tetapi ia tidak membawa kesan yang bermakna di dalam mengubah kehidupan petani-petani dan ia tidak mengubah struktur pertanian tradisi yang tidak ekonomik.

Pada hakikatnya usaha-usaha ke arah meninggikan taraf hidup rakyat luar bandar memerlukan suatu bentuk reformasi tanah yang menyeluruh. Reformasi yang dimaksudkan bukan hanya melibatkan pembahagian tanah atau menghadkan pemilikan tanah seperti yang sering digambarkan apabila disebut reformasi tanah. Tetapi yang sebenarnya yang dimaksudkan ialah pengembelian seluruh potensi dan keupayaan manusia untuk memakmurkan tanah yang mana hubungan manusia dengan tanah itu merupakan unsur-unsur pembentukan tamadun manusia. Reformasi tanah yang dimaksudkan juga memberi makna mengubah struktur yang memberi keuntungan kepada segelintir yang mengekalkan struktur pemilikan tanah yang dibentuk oleh penjajah demi kepentingan penjajahan. Struktur pemilikan tanah seperti yang terdapat di Baling di mana sebahagian besar daripada tanah subur di daerah itu dimiliki oleh orang-orang asing dan segelintir warganegara yang kaya, sedangkan majoriti rakyat memiliki kadar yang tidak mencukupi bagi menggerakkan perusahaan pertanian yang bercorak perdagangan merupakan satu bentuk eksploitasi yang perlu diubah untuk kepentingan rakyat dan negara. Reformasi tanah yang dicadangkan menghendaki supaya sebahagian besar tanah-tanah subur itu dimiliki oleh majoriti rakyat. Rakyat mestilah ditentukan memiliki tanah dengan keluasan

yang ekonomik dan tunduk kepada sistem yang menjadikan usaha pertanian rakyat berjalan dalam bentuk perdagangan.

Pengembalian tenaga untuk memakmurkan tanah itu melibatkan juga masalah modal dan punca-punca modal serta sikap pemodal-pemodal. Dengan lain perkataan ia melibatkan institusi kewangan dan sistem serta sikapnya terhadap usaha-usaha dan matlamat-matlamat daripada usaha yang dijalankan. Sistem kewangan harus merupakan penggerak kepada usaha-usaha menghapuskan penindasan dan kezaliman.

Ia seharusnya menjadi pusat kegiatan pembangunan yang tidak hanya menumpukan keupayaannya untuk menambah keuntungan tetapi mengimbangkan keuntungannya dengan khidmat untuk memperbaiki masyarakat. Sistem yang ada sekarang kurang efektif dalam memberi khidmat kepada rakyat miskin justru perjalanannya sendiri tidak berpijak kepada hakikat penderitaan orang-orang miskin. Pada umumnya kegiatan institusi-institusi kewangan dalam sistem yang ada sekarang ini lebih menguntungkan dirinya dan juga orang-orang kaya.

Saya mencadangkan kepada Kerajaan supaya menubuhkan bank yang khas dengan sistem yang khas pula yang berbeda daripada sistem yang ada sekarang, untuk menolong rakyat luar bandar memperbaiki kehidupan mereka. Bank ini hendaklah bertindak sebagai ejen perubahan yang mempunyai kegiatan yang menyeluruh. Ia bukan hanya memberi khidmat kredit semata-mata, tetapi juga memberi khidmat teknik dan kepakaran serta bimbingan kepada rakyat di luar bandar bagi mengubah kehidupan mereka. Satu percubaan yang berjaya yang dijalankan di Mait Ghamr di sebuah desa mundur di Mesir yang kemudiannya hasil percubaan itu diterima sebagai asas pembentukan Bank Islam, adalah sesuai dijadikan sistem alternatif untuk memainkan peranan yang berkesan membantu rakyat desa meninggikan taraf hidup mereka.

Percubaan yang berjaya itu berlandaskan kepada kegigihan dan kesedaran pemimpin yang mana pekerja-pekerja bank itu sendiri memainkan peranan itu. Ia juga dijalankan berasaskan kepada tabiat menyimpan yang memang ada pada setiap orang. Sifat bantu-membantu yang ada di kalangan masyarakat luar bandar menggerakkan modal tempatan dan mengawalnya supaya tidak mengalir keluar, mengeksploitkan potensi zakat dan

mengatur perubahan sikap di kalangan rakyat desa dengan menimbulkan kesedaran ekonomi yang berpaut kepada akidah Islamiah.

Sistem kreditnya berdasarkan kepada arahan Al-Quran yang bermaksud "Hendaklah kamu memberi hutang demi untuk Allah dengan hutang yang baik".

Sistem yang telah dicuba itu saya yakin akan dapat memberi sumbangan yang besar ke arah menghapuskan penindasan dan memperbaiki taraf hidup rakyat miskin.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa rakyat luar bandar mempunyai persediaan untuk bekerja kuat. Lihat sahaja bagaimana mereka membanting tulang untuk membuka tanah. Tetapi oleh kerana struktur kehidupan mereka begitu rupa, mereka mendapati sukar untuk menukarkan hasil tanaman dan usaha-usaha mereka kepada wang. Kelemahan ini memberi peluang kepada pemeras-pemeras yang berkebolehan menukarkan barang-barang kepada wang untuk memeras mereka. Pemerasan ke atas rakyat di luar bandar yang berlaku dengan luasnya telah mematikan semangat dan kerajinan mereka. Apa yang telah berlaku di sebuah kampung iaitu di Kampung Sadik di Baling, menjadi contoh bagaimana pemerasan itu berjalan sehingga menyebabkan rakyat kehilangan semangat untuk berusaha.

Sekumpulan penduduk-penduduk di kampung itu bermuafakat mengusahakan tanah mereka untuk tanaman sayur-sayuran. Tetapi usaha mereka akhirnya tidak dapat diteruskan, kerana hasil tanaman mereka dibeli dengan harga yang terlalu murah sehingga tidak dapat menampung kos pengeluarannya.

Kegiatan bank yang dicadangkan meliputi bidang pemulihan semangat rakyat desa dan menghapuskan halangan-halangan kejiwaan ini dengan menggerakkan tenaga penerangannya bagi memperteguhkan pegangan dan keyakinan mereka kepada kehidupan ini.

Reformasi tanah yang dicadangkan melibatkan juga dasar-dasar pertanian yang ada kaitannya dengan rakyat luar bandar. Pada masa sekarang seperti yang saya lihat dilaksanakan di kawasan saya, kegiatan Kementerian Pertanian untuk membantu petani-petani di luar bandar ibarat melepaskan batu di tangga sahaja. Bantuan-bantuan benih, baja, baka ternakan dan sebagainya berjalan

tanpa mengikut sistem yang mempunyai matlamat yang jelas dan perancangan yang teliti yang tidak berpijak kepada masalah sebenarnya yang dihadapi oleh rakyat desa.

Saya melihat sendiri bagaimana bantuan-bantuan ini disalurkan. Benih-benih itu diserahkan kepada Pengerusi Jawatankuasa Kampung yang akan memberitahu kepada orang ramai yang memerlukan benih-benih tersebut atau benih-benih itu diberikan mengikut permohonan. Bantuan ini tidak dikaitkan dengan tanah yakni satu langkah penyediaan tanah untuk memastikan bahawa benih-benih itu ditanam di tanah yang sesuai dari segi keluasan dan kualitinya. Seolah-olahnya benih-benih itu boleh ditanam di atas angin sahaja. Begitu juga bantuan itu tidak dikaitkan dengan pemasaran. Pendeknya bantuan-bantuan itu tidak dirancang secara teratur dan bermatlamat yang jelas. Kalau begitu, tidak hairanlah perbelanjaan yang berjumlah lebih daripada \$3 billion dalam masa 7 tahun yang telah dibelanjakan tidak memperlihatkan perubahan besar dalam bidang pertanian luar bandar.

Reformasi tanah yang dicadangkan melibatkan juga penyusunan semula kampung kampung tradisional. Banyak tanah-tanah boleh di eksplotikan untuk pertanian sekiranya kampung-kampung tradisional itu disatukan di satu kawasan yang sesuai. Kedudukan rumah yang berjauhan di dalam keadaan yang tidak tersusun menyusahkan pihak berkenaan menyediakan kemudahan-kemudahan asas seperti jalanraya-jalanraya, air bersih, perkhidmatan kesihatan dan lain-lain kemudahan asas yang boleh meningkatkan keselisaan hidup dan menggerakkan kemajuan ekonomi rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu saya ingin menyentuh mengenai pelajaran. Saya mengalu-alukan langkah Kerajaan memberi peruntukan yang besar terhadap pelajaran. Peruntukkan yang besar yang diperuntukkan lebih daripada mencukupi untuk menggerakkan aktiviti pendidikan yang bertujuan melahirkan warganegara yang salih sebagai daripada matlamat membentuk manusia yang layak. Tetapi pendidikan yang berjaya tidak bergantung hanya kepada peruntukan yang besar ini. Ia tidak hanya bergantung kepada kemudahan-kemudahan fizikal yang dapat disediakan oleh peruntukan pelajaran yang besar itu, bahkan aktiviti pendidikan yang berjaya bergantung juga

kepada akhlak dan nilai-nilai yang melingkungi suasana persekolahan, jenis ilmu yang diajar dan matlamat pendidikan sebagai acuan yang akan menentukan jenis manusia apakah yang hendak dibentuk menerusi pendidikan itu. Saya percaya peruntukan yang besar itu tidak akan menjamin kejayaan yang sebenarnya sekiranya faktor-faktor yang tidak bersifat benda ini tidak diselesaikan.

Kita tidak dapat menafikan bahawa suasana persekolahan sekarang ini menghadapi konflik nilai di mana murid-murid didedahkan kepada nilai-nilai yang bertentangan yang menghasilkan natijah yang buruk kepada jiwa dan watak serta sikap murid-murid yang hendak dibentuk supaya menjadi manusia yang layak dan warganegara yang salih itu.

Konflik nilai yang berlaku di sekolah-sekolah ini menjadi punca utama mengapa sebahagian daripada pelajar-pelajar merasakan berdosa untuk meneruskan pelajaran di sekolah-sekolah. Dengan adanya usaha-usaha memberi kesedaran keagamaan makin ramai pelajar-pelajar yang berminat untuk mengerjakan sembahyang. Bagaimana mereka hendak menyesuaikan kesedaran ini dengan sikap Kementerian Pelajaran menentukan jadual peperiksaan semasa dengan waktu sembahyang Jumaat, sehingga berpuluh-puluh ribu pelajar beragama Islam tidak dapat menunaikan sembahyang Jumaat. Kesukaran untuk menyesuaikan kesedaran keagamaan dengan suasana seperti ini dirasakan oleh seorang pelajar bernama Zainuddin bin Ismail dari Alor Setar. Kepada saya, pelajar itu menulis:

"Saya adalah seorang penuntut Islam dan bakal menjadi calon M.C.E. Apa yang saya sangat kesalkan ialah mengenai peperiksaan Amali Sains ini iaitu dua daripada tiga mata pelajaran jatuh pada hari Jumaat. Seolah-olah kami ini juga menjadi bakal tuang sembahyang Jumaat. Hal ini sangat-sangat dikesalkan berlaku di negara kononnya mengamalkan prinsip Islam.

Cuba ustaz teliti salah satu daripada jadual peperiksaan ini—Physics Malay Syllabus 27hb Oktober, 1978.

Sidang	Calon melaporkan diri	Dibenarkan pulang
I	7.45 pagi	11.00 pagi
II	9.30 pagi	12.00 tengah hari
III	10.30 pagi	2.15 petang
IV	10.30 pagi	4.30 petang

Calun-calun dari sidang III dan IV nampaknya tidak ke masjid kerana tidak dibenarkan keluar. Purata boleh dikatakan setiap pelajar-pelajar Islam, khususnya di Kolej ini sekurang-kurangnya ada juga matapelajaran mereka dalam bilangan sidang III dan IV. Banyak di antara mereka menyungut-nyungut kerana tidak dapat menunaikan fardhu Jumaat. Ikhtiar-kanlah ustaz, selamatkanlah kami pelajar-pelajar Islam daripada meninggalkan sembahyang, bukan seorang bahkan beribu-ribu di seluruh Malaysia, berjaya atau tidak, serah ke hadrat Allah. Apa yang kita lakukan ialah berusaha dengan penuh tekad dan bersungguh-sungguh kerana Allah. Apa yang kami harapkan sekiranya hari peperiksaan itu tidak dapat dipindahkan ke hari lain biarlah kami dieskot ke masjid untuk sembahyang ataupun dengan apa syarat asalkan kami dapat ke masjid pada hari Jumaat.

Saya berdoa ustaz berjaya semoga Allah bersama ustaz".

Tuan Yang di-Pertua: Surat itu panjang lagi?

Tuan Haji Mohd. Nakhai bin Haji Ahmad: Sudah habis. Tuan Yang di-Pertua.

Saya mengemukakan surat ini kepada Menteri berkenaan supaya mengambil tindakan dan ini hanya sebagai satu contoh di mana konflik nilai yang terdapat di sekolah-sekolah besar kesannya kepada pertumbuhan jiwa murid-murid.

Apa yang dilakukan oleh pelajar yang menulis surat ini membayangkan bagaimana tersinggungnya beliau dan bagaimana tersentuhnya hati kecil beliau apabila sesuatu perkara yang dianggap mulia, penting dan mesti yang ditentukan oleh ugamanya diperkecilkan oleh Kementerian Pelajaran. Ini satu contoh sahaja. Di sana masih banyak kes-kes yang menunjukkan pertentangan nilai akhlak yang berlaku di sekolah-sekolah. Sekiranya Kerajaan tidak dapat menyelesaikan perkara ini saya yakin sebahagian besar daripada peruntukan pelajaran akan menjadi sia-sia. Oleh itu, Kerajaan bukan sahaja berkewajipan menyediakan susunan pendidikan yang sesuai dengan nilai-nilai bahkan juga mesti menjamin bahawa pendidikan itu harus

merupakan saluran mempertahankan nilai-nilai murni dan benar yang terdapat di dalam masyarakat.

Professor Clark, setelah meneliti bidang-bidang pendidikan berkata; apa jua makna yang dimaksudkan dengan pendidikan, ia semestinya bertujuan untuk mengekalkan kebudayaan yang diterima olehnya sendiri; Kebudayaan yang mencirikan sebuah masyarakat yang berjiwa besar dan suci.

Seorang penyelidik Amerika Dr G. B. Conant menjelaskan dengan lebih terang lagi maksud tersebut dengan katanya: "Saya percaya bahawa amalan-amalan pendidikan itu bukanlah barang dagangan yang boleh diekspotkan. Saya bimbang tentang salah tanggapan yang telahpun wujud sedikit-sebanyak dalam urusan kita dengan Jerman dan Jepun sejak Perang Dunia Kedua dahulu. Seringkali berlaku dalam sejarah kita sendiri percubaan untuk mengimpot konsep British dan juga Eropah telah mendatangkan lebih banyak keburukan dari kebaikan".

Saya percaya apa yang telah berlaku di negara kita seperti yang dinyatakan di atas berlawanan dengan pengertian pendidikan ditinjau dari sudut apa sekalipun, jika pendidikan itu mempunyai tujuan yang murni. Apa yang telah dan sedang berlaku itu akan menggagalkan usaha menghidupkan idea-idea masyarakat di kalangan pelajar-pelajar dan apabila sesuatu masyarakat kekurangan idealisma yang dapat memberangsangkan mereka untuk bertindak dan berkorban maka pegangan mereka kepada sejarah akan beransur-ansur hilang dan disusuli dengan keruntuhan. Ikbal berkata, saya quote terjemahannya dalam Bahasa Malaysia: "Hidup seorang individu bergantung kepada hubungan antara jasad dan rohnya. Hidup sebuah negara bergantung kepada pemeliharaan tradisi dan kebudayaan. Individu mati jika aliran nyawa berhenti, negara mati jika idealisma hidup dihina." Seterusnya apa yang telah terjadi itu akan menggagalkan usaha memupuk nilai-nilai akhlak dalam sanubari dan jiwa generasi muda. Ia hanya akan melahirkan manusia yang tidak mempunyai asas pegangan hidup. Manusia yang tidak mempunyai pegangan hidup adalah lemah dan mudah terpengaruh dan senang dihancurkan. Apakah kita hendak mendidik anak-anak kita menuju kepada kehancuran ini?

Tuan Yang di-Pertua, hanya sekianlah yang saya harapkan bahawa Kementerian Pelajaran dapat menyelesaikan masalah ini supaya wang awam yang dibelanjakan begitu besar tidak hanya digunakan sewenang-wenangnya dan tidak hanya menumpukan ke arah mengeluarkan manusia-manusia yang hanya menjadi alat ekonomi semata-mata, malahan kita hendaklah menggunakan kemampuan dan keupayaan yang ada itu bagi tujuan-tujuan yang lebih teguh, yang lebih murni daripada yang disebutkan itu. Sekianlah sahaja, wassala-mualaikum.

6.26 ptg.

Tuan Yusof bin Malim Kuning (Panti):

Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bersama-sama dengan rakan-rakan saya bagi menyokong cadangan Belanjawan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada 20hb yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya semua Ahli-ahli Yang Berhormat dan semua rakyat Malaysia pada hari ini pada amnya adalah menyambut baik di atas Belanjawan tahun 1979 yang mana wang yang begitu besar telah diperuntukkan sebanyak lebih daripada \$13 billion yang mana rakyat terutama sekali rakyat yang di kampung-kampung sentiasa menunggu dan mengharapkan akan dapat nikmat dan rahmat daripada Belanjawan yang begitu sederhana dan begitu menggembarakan rakyat semuanya.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap melalui Dewan yang mulia ini agar Belanjawan tahun 1979 ini akan benar-benar dapat dirasakan, akan sampai kepada rakyat kita terutama sekali rakyat kita yang miskin yang tinggal di luar-luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengambil bahagian dan menyentuh beberapa masalah yang akan saya timbulkan dalam ucapan saya nanti, izinkan saya memberikan sedikit mukaddimah iaitu sesudah lebih 21 tahun kita merdeka dari belenggu penjajahan British, tetapi pada hari ini masih lagi terdapat golongan-golongan rakyat yang kais pagi makan pagi, kais petang makan pagi dan ada pula golongan yang kais pagi makan pagi dan kais petang makan petang. Walaupun kita berbangga boleh dikatakan di antara negara-negara jiran kita, kita mempunyai ekonomi yang kuat. Negara kita kaya dengan

berbagai-bagai sumber bahan-bahan mentah, bukan sahaja untuk kegunaan dalam negeri bahkan kita boleh membekalkan negara-negara luar terutama sekali negara-negara perindustrian. Dalam pada itu sebagaimana saya katakan tadi masih lagi terdapat golongan-golongan rakyat yang menderita hidupnya.

Tuan Yang di-Pertua, barangkali kita mudah kalau kita hendak menuduh golongan ini, kita boleh katakan mereka pemalas, kita

boleh katakan mereka tidak mahu mengambil peluang daripada projek-projek pembangunan yang begini banyak, peruntukan-peruntukan yang begini banyak

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh sambung esok. Dewan ditangguhkan hingga jam 2.30 petang hari esok, Khamis, 26hb Oktober, 1978.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.